


Jilid II
Bil. 11



Hari Khamis
12hb Ogos, 1976

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 949]

USUL:

Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980 (Hari Ketiga) [Ruangan 974]

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di-Jabatan Perdana Menteri, TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK ABDUL AZIZ BIN TAPA, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ GENERAL TAN SRI ABDUL HAMID BIN BIDIN (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN V. V. ABOO, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN AHMAD AZIZUDDIN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ TAN SRI LIM CHING WAH, P.S.M., S.P.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).
- „ TUAN SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ TUAN S. M. VELLAYAPPA, S.D.K., A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K. Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Khamis, 12hb Ogos, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

TIMBALAN-TIMBALAN MENTERI

1. Datuk Mansor bin Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa terdapat beberapa orang Timbalan Menteri yang suka memberi gambaran bahawa mereka mempunyai semangat yang kuat untuk menolong kaum bumiputra dalam perdagangan dan perindustrian tetapi mereka membuat keputusan terakhir berdasarkan kepada syor-syor yang diberikan oleh pegawai-pegawai mereka dan tidak menggunakan budibicara mereka sendiri. Jika ya, samada beliau sedar bahawa sikap Timbalan-timbalan Menteri yang sebegini adalah salah satu faktor yang menghalang dari tercapainya matlamat 30% penyertaan Bumiputra dalam perdagangan dan perindustrian dan jika ya:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki keadaan ini; dan
- (b) samada beliau bercadang untuk mengeluarkan arahan kepada semua Timbalan-timbalan Menteri dan Pegawai-pegawai yang berkenaan dalam perkara ini.

Timbalan Perdana Menteri (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak tepat untuk mengatakan bahawa Timbalan-timbalan Menteri hanya membuat keputusan terakhir berdasarkan kepada syor-syor yang diberikan oleh pegawai-pegawai mereka dan tidak menggunakan budibicara mereka sendiri. Dalam sistem pentadbiran negara kita, memanglah pegawai-pegawai

Kerajaan dikehendaki memberi syor-syor atau pendapat-pendapat mereka kepada Menteri-menteri ataupun Timbalan-timbalan Menteri. Tetapi pada pertimbangan akhir keputusan atau sesuatu perkara terserahlah kepada Menteri atau Timbalan Menteri berkenaan yang bertanggungjawab kepada Jumaah Menteri keseluruhannya atas sesuatu tindakan yang dibuat berasaskan kepada prinsip Tanggungjawab Bersama (Collective Responsibility).

Sekiranya pegawai-pegawai memberi pendapat-pendapat atau syor-syor yang munasabah berasaskan kepada kepentingan negara dan rakyat, maka tidak ada sebab mengapa seseorang Timbalan Menteri tidak boleh menerimanya. Tidaklah wajar jika seorang Timbalan Menteri menolak pendapat pegawai tanpa mengambilkira baik-buruknya nasihat yang diberi. Walaupun demikian saluran rayuan tetap ada jika keputusan yang dibuat oleh Menteri atau Timbalan Menteri tidak dianggap sebagai secukupnya dengan dasar terhadap Bumiputra. Semua ini diketahui oleh orang ramai dan semua Timbalan Menteri.

Memandangkan kepada penjelasan yang telah diberikan di atas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak bercadang mengeluarkan apa-apa arahan baru kepada Timbalan Menteri dan pegawai-pegawai yang berkenaan.

RANCANGAN PARIT KOTA BAHRU

2. Datuk Dr Wee Khoo Hock minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan Pusat sanggup membantu Kerajaan Negeri Kelantan dengan sepenuhnya pelaksanaan Rancangan Pembinaan Saluran Air untuk Bandar Kota Bharu. Jikalau tidak, mengapa.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat

bahawa di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, peruntukan sebanyak \$9.12 juta telah diberi di bawah Jabatan Parit dan Taliair untuk projek Rancangan Parit Bandar Kota Bharu, dan bagi tahun 1976, peruntukan sejumlah \$500,000 telahpun dibuat.

Datuk Dr Wee Khoo Hock: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tahu samada Kementerian sedar bahawa Kerajaan Tempatan Kota Bharu telah mempergunakan pakar-pakar pengaliran air untuk mengkaji dan merancang perkara ini tanpa koordinasi daripada Pejabat D.I.D. dan Pejabat Kesihatan. Adakah Kementerian menganggap menasabah menggunakan rancangan yang tersedia itu untuk melaksanakan rancangan pembinaan saluran air bagi Bandar Kota Bharu itu?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, latar-belakangnya ialah seorang pakar perunding telah dilantik oleh Kerajaan Kelantan untuk mengkaji projek ini tetapi apabila lapuran itu dikemukakan kepada Kerajaan Pusat kami dapati bahawa lapuran itu tidak berapa memuaskan dan lengkap dan lapuran itu baru dikaji dan pakar-pakar perunding itu diminta supaya membuat satu lapuran baru.

MAJLIS PENASIHAT KEBANGSAAN MENGENAI KEBUDAYAAN

3. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan, berhubung dengan pelancaran Majlis Penasihat Kebudayaan oleh Kerajaan baru-baru ini, apakah konsep tertentu yang akan menjadi teras pembentukan suatu kebudayaan kebangsaan; apakah benar terdapat tekanan untuk memelihara perasaan golongan rakyat yang tertentu.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Majlis Penasihat Kebangsaan berkenaan Kebudayaan telah dibuat bukanlah dengan tujuan untuk memelihara perasaan mana-mana golongan rakyat seperti yang dimaksudkan itu. Oleh kerana kebudayaan itu adalah suatu benda yang sentiasa berkembang dan yang sentiasa menerima pengaruh-pengaruh dari luar dan juga dari dalam, penubuhan majlis ini ialah untuk mendapatkan pandangan serta nasihat

daripada satu perwakilan yang terdiri daripada berbagai-bagai bidang dan juga kaum di Malaysia ini dalam pelaksanaan dasar kebudayaan kebangsaan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Dalam pandangan dan nasihat oleh badan penasihat ini, adakah Kementerian ini berfikir bahawa sangat sukar di Malaysia ini dapat membentuk satu kebudayaan nasional?

Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, tugas-tugas Majlis ini adalah tiga:

- (1) membincangkan perkara-perkara yang berhubung dengan pelaksanaan dasar kebudayaan kebangsaan.
- (2) membincangkan perkara-perkara berhubung dengan kebudayaan.
- (3) untuk membincangkan perkara-perkara berhubung dengan penyertaan semua kaum dalam pelaksanaan dasar kebudayaan kebangsaan iaitu untuk memberi fikiran, pandangan dan syor kepada Menteri yang berkenaan.

Pada pendapat Kementerian dengan penubuhan Majlis ini semua perkara berkenaan dengan penubuhan kebudayaan kebangsaan boleh diselesaikan dan dapat dirundingkan dalam Majlis ini. Oleh sebab Majlis ini adalah mewakili daripada semua kaum dan ahli-ahli Majlis ini adalah dipilih kerana orang-orang ini pakar dan berminat dalam bidang kebudayaan ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ini memperakui atas apa yang saya cakapkan ini bahawa walaupun Malaysia ini sudah merdeka selama 18 tahun tetapi tidak ada mempunyai kebudayaan nasional yang tulin?

Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir itu soalan lain.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, kebudayaan kebangsaan yang kita katakan ini, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan berteraskan kebudayaan apa?

Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, kebudayaan kebangsaan Malaysia berdasarkan atas tiga prinsip. Prinsip yang pertama,

kebudayaan kebangsaan Malaysia berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal di rantau ini. Prinsip yang kedua, unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar yang boleh diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan dan yang ketiga, Islam menjadi unsur yang penting dalam membentuk kebudayaan kebangsaan itu.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menjelaskan seperti perkataan "rakyat asal" negeri ini, apakah dimaksudkan dengan rakyat asal negeri ini?

Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telahpun mengeluarkan satu statute paper berkenaan dengan masalah kebudayaan di Malaysia, kalau saya hendak terangkan di Dewan yang mulia ini saya ingat memakan masa yang panjang. Kalau Ahli Yang Berhormat itu suka, saya bolehlah hantar satu salinan kepada Yang Berhormat.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan. Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan berjanji di dalam Dewan ini yang tertinggi sekali di dalam tanahair kita iaitu kebudayaan-kebudayaan yang ada pada masa sekarang untuk golongan rakyat akan terus mengadakan dan akan terus digunakan?

Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya kata tadi dengan penubuhan Majlis Penasihat Kebangsaan berkenaan kebudayaan ini, semua perkara berkenaan kebudayaan di negara ini akan dirundingkan dalam majlis ini, dan ahli-ahli majlis ini adalah terdiri daripada semua kaum dan boleh memberi fikiran, pandangan dan syor kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Oleh itu, saya fikir semua kaum dapatlah memberi pandangan kepada Menteri yang berkenaan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tadi Yang Berhormat kata soalan lain, ini saya tidak hendak membuat soalan lain. Badan Penasihat Kebudayaan Kebangsaan baharu ditubuhkan daripada pertubuhan-pertubuhan yang berkenaan. Jadi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, sebelum daripada Badan Penasihat ini diwujudkan, adakah Kementerian mengakui bahawa di Malaysia ini tidak ada kebudayaan nasionalnya; yang ada hanya kebudayaan gaduh-gaduh?

Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat itu pendapat Yang Berhormat sendiri.

BUMIPUTRA DALAM PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN

4. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) adakah Kementerian ini sedar bahawa peratus penyertaan orang Melayu dalam perdagangan dan perindustrian adalah masih rendah lagi hingga sekarang, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk mencapai objektif Dasar Ekonomi Baru dalam hal ini dalam jangka masa Rancangan Malaysia Yang Ketiga; dan
- (b) samada Kerajaan akan menimbang untuk menyusun semula Badan-badan Perdagangan Kerajaan bagi menentukan hanya mereka yang jujur dan amanah sahaja dilantik menjadi pemimpin.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memang menyedari bahawa peratus penyertaan Bumiputra di dalam perdagangan dan perindustrian kalau dibandingkan dengan kaum lain adalah rendah. Walau bagaimanapun, daripada tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan, kemajuan Bumiputra untuk menyertai bidang perdagangan dan perindustrian setakat ini adalah memuaskan dan menggalakkan. Kementerian saya juga berazam dalam keadaan yang munasabah untuk mencapai 30% penyertaan Bumiputra sebagaimana di matlamatkan tahun 1990.

Setakat ini kedudukan penyertaan Bumiputra dalam beberapa kegiatan dan aktiviti-aktiviti perdagangan dan perindustrian adalah seperti berikut yang boleh menunjukkan bahawa kalau dibandingkan dengan masa lepas kedudukannya adalah agak lebih cerah dan baik lagi daripada masa-masa yang saya katakan yang lepas itu.

- (i) Bilangan perniagaan Bumiputra yang didaftarkan dengan Pendaftar Perniagaan adalah bertambah daripada 21,763 pada tahun 1970 kepada 52,700

pada bulan Julai, 1976 ataupun bilangan perniagaan Bumiputra adalah bertambah 14% daripada semua jumlah perniagaan yang didaftarkan pada 1970 kepada 23% daripada jumlah perniagaan yang telah didaftarkan sehingga Julai, 1976;

- (ii) Bilangan syarikat-syarikat Bumiputra yang telah didaftarkan dengan Pendaftaran Syarikat pula telah bertambah daripada 104 daripada jumlah 10,849 pada akhir tahun 1970 kepada 3,621 daripada jumlah 28,836 pada bulan Julai, 1976.
- B. Penyata equiti Bumiputra dalam projek-projek perindustrian yang diluluskan dan telah dilaksanakan telah bertambah daripada \$164.2 juta pada tahun berakhir 1971 kepada \$267.1 juta pada akhir tahun 1975.
- C. Penyertaan Bumiputra sebagai pengedar bagi beberapa jenis barang tertentu seperti simen, besi waja, gula, tepung, susu, minuman, rokok, motosikal, motokar, minyak tanah, ges telah bertambah secara purata daripada bilangan dan peratus yang kecil pada tahun 1970 kepada 50.9% pada tahun 1976.

Dalam bidang perniagaan ini sukacita saya maklumkan di dalam setengah-setengah bidang perniagaan pengedaran angka ini sudah ada meningkat lebih daripada 30% sebagaimana matlamat kita bagi tahun 1990.

Di samping itu bilangan Bumiputra yang telah diberikan peluang-peluang perniagaan seperti perniagaan pengangkutan telah juga bertambah kalau hendak dibandingkan dengan penyertaan mereka pada beberapa tahun yang lalu. Kementerian saya juga akan berusaha untuk mendapatkan firma-firma iktisas Bumiputra seperti firma guaman, kejuruteraan, jurubina, pengiklanan, pemborong binaan untuk mendaftarkan diri dengan Kementerian saya. Setakat ini bilangan mereka yang telah berdaftar dengan Kementerian adalah kecil dan usaha-usaha akan diambil untuk menarik mereka berdaftar dengan Kementerian supaya bolehlah Kementerian ini mengemukakan perkhidmatan yang dapat mereka berikan kepada firma-firma perindustrian yang memerlukan perkhidmatan-perkhidmatan berkenaan.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini maklum kalau 10 tahun dahulu kurang sekali kita menengok peguam-peguam, akitek-akitek, pakar-pakar jurubina, pakar-pakar pengiklanan yang mengambil bahagian di dalam bidang private sector. Sekarang ini jelas kepada kita bahawa bilangan pakar-pakar di lapangan ikhtisas-ikhtisas ini adalah lebih banyak lagi daripada masa yang lepas.

Tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk menentukan penyertaan Bumiputra akan terus berkembang adalah seperti berikut:

- (i) Dari segi equiti, Kementerian telah mengenakan syarat kepada syarikat-syarikat yang mendapat kelulusan dari Kementerian supaya mereka mengkhaskan beberapa peratus saham mereka kepada Bumiputra. Bagi syarikat-syarikat yang lama, samada syarikat perdagangan atau perindustrian, syarikat-syarikat ini adalah diminta untuk menyusun semula equiti syarikat mereka selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Bagi saham-saham yang mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat mengetahui tidak diambil itu sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, peruntukan sebanyak \$200 juta akan diadakan bagi membolehkan sebuah badan amanah membeli saham-saham ini dan menguruskannya bagi pihak-pihak bumiputra.
- (ii) Dari segi gunatenaga pula, Kementerian telah mengenakan syarat-syarat kepada syarikat-syarikat yang telah mendapat kelulusan supaya gunatenaga syarikat mereka menggambarkan kedudukan berbilang kaum di negara kita. Dengan ini bilangan kaum bumiputra yang telah didapati bekerja di kilang-kilang, di firma-firma adalah lebih ramai lagi daripada masa-masa yang lepas yang mana saya percaya mereka akan mendapat memperolehi banyak pengalaman dalam bidang-bidang perniagaan, perindustrian yang berada di tempat-tempat di mana mereka bekerja.
- (iii) Dari segi pengedaran pula, tidak payahlah saya panjangkan lagi. Saya telah nyatakan bahawa dalam bidang ini kita telah mencapai kemajuan.

- (iv) Bagi menggalakkan lebih ramai Bumi-putra mengambil bahagian dalam bidang perindustrian, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian melalui FIDA sedang menjalankan usaha yang pesat supaya lebih ramai lagi Bumi-putra mengambil bahagian dalam bidang tersebut. Di antara tindakan yang telah diambil ialah pembekuan kalau perlu projek-projek yang didapati sesuai dijalankan oleh Bumi-putra, bagi membolehkan Bumiputra menjalankan projek tersebut.
- (v) Di bidang impot dan eksport pula, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah dan sedang mengambil tindakan yang bersesuaian bagi memastikan supaya lebih ramai lagi syarikat-syarikat Bumiputra dapat mengambil bahagian dalam bidang ini. Tindakan yang telah diambil bukanlah sahaja dalam bentuk pemberian kuota dan lesen, malahan melalui kursus-kursus tertentu yang membolehkan Bumiputra memahami dengan lebih lagi mendalam tentang aktiviti-aktiviti tersebut.

Bagi soalan (b), bagi makluman Ahli Yang Berhormat pegawai-pegawai Badan-badan Berkanun adalah disifatkan sebagai penjawat awam dan mereka adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan dan amalan-amalan serta kawalan tata-tertib yang tertentu. Sekiranya mereka didapati tidak bertanggungjawab, didikasi, amanah dan jujur, maka tindakan tegas mengikut aturan-aturan yang ada akan diambil, termasuk memberhentikan mereka dari jawatan-jawatan. Apa yang diperlukan ialah pengawasan ke atas pegawai-pegawai tersebut.

Selain daripada itu, Kerajaan adalah mengawasi dengan lebih-lebih rapi lagi perjalanan badan-badan ataupun Ajensi Kerajaan supaya ianya bergerak setimpal dengan matlamat penubuhannya dan untuk menjamin supaya tidak ada perkara penyelewengan olehnya dari garisan-garisan dasar yang tertentu bagi mereka bergerak. Umpamanya, baru-baru ini Kerajaan telah mengarahkan supaya penyiasatan mendalam dijalankan terhadap perjalanan syarikat Jengka dengan tujuan supaya diketahui dengan pastinya sebab-sebab kerugian yang dialami oleh syarikat tersebut selama ini.

Saya ingin juga menyatakan di sini bahawa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru perlulah diawasi dengan seberapa yang boleh dan untuk maksud ini Jawatankuasa Penyertaan Bumiputra dalam Bidang Perdagangan dan Perindustrian Peringkat Kebangsaan akan dilancarkan tidak berapa lama lagi. Sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian baru-baru ini selaras dengan penubuhan Jawatankuasa-jawatankuasa Penyelaras di peringkat Negeri-negeri. Jadi, Jawatankuasa di peringkat Pusat ini sebagaimana yang saya telah nyatakan tadi dilancarkan tidak lama lagi dan akan di Pengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri. Seperti yang telah diterangkan dalam Dewan ini pada 10 haribulan dahulu Jawatankuasa-jawatankuasa di peringkat Negeri-negeri ini akan juga diawasi oleh Jawatankuasa Penyelaras yang akan ditubuh dan dilancarkan di peringkat Pusat tidak lama lagi.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan yang begitu memberi puashati kepada saya dan kepada negara ini. Soalan tambahan saya begini; adakah Kementerian ini dapat mengkaji balik sebagaimana jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, bahawa dalam bidang pengedaran adalah berkemajuan pada masa sekarang hampir 30% sebagaimana yang kita harap? Bolehkah Kementerian ini membuat satu cadangan supaya angka 30% itu dinaikkan kepada 51%?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat mungkin maklum angka 30% itu bukan maksima tetapi minima, sekurang-kurangnya 30%. Jadi garisan panduan ini minima 30% dan jikalau sekiranya satu-satu badan ataupun Kementerian itu berpendapat bahawa tidak perlu kita tunggu hingga tahun 1990 untuk mencapai 30%, kalau boleh diselenggarakan sekarang ini, ayuh, kita jalankan (*Tepuk*) sebagaimana yang boleh dibuat di tempat lain. Cuma minima sahaja ditentukan iaitu dipandang dari segi keseluruhan tetapi kalau ada bidang-bidang tertentu di mana angka ini boleh, bukan kata 51% sahaja seperti kata Ahli Yang Berhormat itu tetapi 70% kita jalankan dan mencapai kepada matlamat 70% buat masa ini sekalipun.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam bahagian pengedaran saya suka hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, di negeri Kelantan boleh dikatakan 99% yang menghisap rokok adalah bumiputra. Adakah Kementerian sedar iaitu pengedar rokok (sole distributor) Rothmans bagi seluruh negeri Kelantan ialah satu komapani sahaja iaitu satu komapani yang bukan bumiputra? Kalau Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar, adakah beliau bercadang supaya diadakan satu lagi pengedar daripada bumiputra supaya ada dua pengedar rokok Rothmans bagi seluruh negeri Kelantan, iaitu satu bumiputra dan satu bukan bumiputra?

Satu lagi soalan tambahan, adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar iaitu syarikat-syarikat yang mempunyai perjanjian dengan pembekal-pembekal daripada luar negeri seperti syarikat yang mengedarkan kereta Mercedes Benz ataupun Datsun umpamanya telah begitu lama dimonopoli ataupun dipegang oleh syarikat yang bukan bumiputra? Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan berfikir telah sampai masanya pembawa masuk kereta ini patut diberi peluang kepada syarikat-syarikat bumiputra sama dalam pengedaran ini?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, tentang soalan tambahan yang pertama berkenaan dengan pengedar rokok Rothmans di Kelantan, saya memang menyedari bahawa bilangan syarikat bumiputra yang mengedar rokok Rothmans di Kelantan adalah terhad kepada satu syarikat sahaja bagi seluruh Kelantan. Tetapi suka saya menyatakan di sini bahawa kita telah mengadakan perbincangan dengan Syarikat Rothmans, Syarikat M.T.C., Syarikat Pall Mall meminta supaya mereka mengadakan satu kertas kerja dalam masa-masa yang tertentu mereka akan melantik bilangan pengedar-pengedar rokok mereka dengan lebih banyak lagi di negeri-negeri yang berkenaan, lebih-lebih lagi di negeri-negeri di mana bilangan pengedar daripada bumiputra tidak ada ataupun kurang sekali. Jadi, dalam perkara proses exercise kita ini kita tidak melupakan Kelantan. Rothmans telah mengangkat cadangan bagi negeri-negeri termasuk Kelantan dan tidak lama lagi Kementerian saya akan mempersetujui

perlantikan sekurang-kurangnya tiga pengedar di Kelantan, satu di Kota Bharu, satu di Pasir Mas dan satu di Kuala Krai dan usaha akan terus diambil kalau boleh untuk menambahkan lagi bilangan pengedar-pengedar bukan sahaja di Kelantan bahkan juga di negeri-negeri lain.

Tentang soalan tambahan yang kedua berkenaan dengan perkara monopoli oleh syarikat-syarikat tertentu mengimpot kereta di sini dan mengedar, sukalah saya menyatakan di sini ini adalah dalam pengetahuan kami dan oleh kerana itu sekarang ini kita ada peraturan dalam mana syarikat-syarikat yang berkenaan ini pertamanya kalau belum lagi dijadikan syarikat awam (public listed company) diminta supaya menjadi public listed company di mana sebahagian daripada sahamnya akan ditentukan bagi kaum bumiputra.

Saya suka menyentuh perkara Mercedes Benz, Cycle and Carriage, yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dan saya mendengar bahawa dengan arahan daripada pihak Kerajaan syarikat ini tidak lama lagi akan mengeluarkan sahamnya menjadikan sebilangan daripada saham ini diperuntukan dan dikhaskan juga kepada kaum bumiputra. Dari segi pengimpotan kereta-kereta ini kita adalah menjamini bahawa sebilangan kerja mengimpot kereta-kereta ini dan juga mengedar keluar kereta-kereta di dalam negara kita ini patut juga diberi kemudahannya kepada bumiputra. Sekarang ini kita ada peraturan dalam mana-mana syarikat yang ada termasuk syarikat yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Datsun dikenakan syarat bahawa apabila dia mengimpot kereta-kereta yang diqotakan baginya dari segi schedule daripada luar negeri dia boleh mengimpot menerusi syarikat-syarikat bumiputra. Ini adalah sedang dijalankan dan pihak Kementerian saya menerusi Bahagian Bumiputra adalah mengawasi bahawa syarikat-syarikat ini mestilah mematuhi kehendak ini iaitu mereka hanya boleh mengimpot kereta-kereta dari segi schedule mengikut quota yang diberi kepada mereka itu menerusi syarikat-syarikat bumiputra sahaja. Dan dari segi pengedar pula kita memang ada perhubungan dengan syarikat-syarikat yang menjual kereta dalam negeri kita ini termasuk Datsun, Syarikat Kah, yang mengedar Honda juga syarikat-syarikat yang mengedar motosikal supaya yang mana belum lagi memberi kemudahan kepada

bumiputra mengangkat kertas dan menimbangkan kemungkinan melantik pengedar-pengedar dan wakil-wakil penjual daripada kaum bumiputra.

Dalam perkara ini suka saya menyatakan bahawa Kerajaan adalah mendapat kerjasama penuh daripada syarikat-syarikat ini dan bilangan pengedar-pengedar dan wakil-wakil penjual daripada kaum bumiputra yang telah diberi kemudahan ini adalah bertambah banyak hinggakan dalam satu dua bidang sudah ada yang meningkat lebih daripada 30%.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat berpuas hati di atas apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri. Tetapi yang saya minta iaitu untuk menyegerakan supaya jangan dipermain-mainkan oleh orang-orang ini, maka saya minta Yang Berhormat Menteri yang kita telah luluskan Industrial Co-ordination Act ini hendaklah dijalankan dengan seberapa segera, jangan kita ditanggut-tanggutkan oleh kehendak mereka ini ditanggut sehingga lima tahun seterusnya. Dengan sebab itu, kalau ada tempoh masa itu diberi kepada mereka maka dalam tempoh ini mereka terpaksa beri qota-qota ini kepada bumiputra. Bolehkah ditetapkan masa itu.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana dan mungkin Ahli Yang Berhormat maklum Undang-undang Akta Penyelarasan Perindustrian ini telahpun berjalan kuatkuasanya, cuma kita beri peluang kepada kilang-kilang ini dalam masa setahun mengemukakan permohonan-permohonan yang mana belum dapat lesen supaya dalam masa setahun ini mengatur segera jentera-jentera untuk membuat permohonan bagi lesen menjalankan kilang-kilang ini. Kita terpaksa memberi masa yang agak menasabah, maklumlah ini undang-undang baru, banyak borang-borang diisi dan banyak perkara penyiasatan yang perlu disenggarakan dan oleh kerana itu kita beri dia tempoh setahun untuknya membuat permohonan. Tetapi dalam pada itu peraturan-peraturan di bawah undang-undang ini sudah dijalankan dan undang-undang ini yang sebenarnya sudah dikuatkuasakan dan apa sahaja tindakan yang perlu kita akan ambil di bawah undang-undang yang sudah dijalankan kuatkuasanya.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: (Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam masaalah perkilangan yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, kita nampak bukan sahaja diusahakan oleh bukan bumiputra tetapi termasuk bumiputra. Adakah Kementerian ini sedar bahawa Kementerian ini tidak dapat kerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri pada masaalah hendak membawa masuk ahli kepakaran yang dikehendaki oleh perindustrian yang ada kaitan dengan memproses bahan-bahan mentah sehingga menjadi bosan khasnya bumiputra menunggu kebenaran masuk kepakaran itu? Jadi, dengan keadaan ini tidakkah boleh Yang Berhormat Menteri dapatkan kerjasama daripada Kementerian Dalam Negeri bagaimana yang dibuat oleh setengah-setengah negeri dengan segera boleh membawa masuk ahli kepakaran dalam perkilangan dan perusahaan.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan di sini bahawa mungkin ada kesulitan-kesulitan sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat perkara berkenaan dengan kemasukan pakar-pakar tertentu dari luar negeri di dalam projek-projek usahasiswa, tetapi suka saya menyatakan di sini dengan adanya kesedaran kita bahawa mungkin boleh berbangkit kerumitan seperti ini. Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Penyelaras buat permulaannya bagi Kementerian saya di mana Menteri Dalam Negeri, saya dan Menteri Buruh adalah ahli Jawatankuasa Review. Kepada badan ini boleh dihantarkan perkara-perkara dan masaalah-masaalah seperti ini iaitu masaalah pelabur-pelabur modal tidak dapat membawa masuk pakar-pakarnya untuk menasihatkan kita dalam bidang-bidang perusahaan yang tertentu, dan jawatankuasa ini saya tahu sudah mengadakan tiga kali mesyuarat dalam mana perkara seperti ini yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dibawa kepada perhatian Menteri yang berkenaan dan jika rayuan itu munasabah sebagaimana mungkin kenyataan-rayuan ini munasabah tindakan diambil oleh tiga Menteri supaya diberi kemudahan-kemudahan yang demikian. Jadi, kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat ada kenyataan tentang kes-kes yang tertentu seperti yang disebut itu sila menulis kepada

saya dan saya akan bawa kepada jawatan-kuasa ini untuk menimbangkan perkara yang tertentu itu.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri dapat berhubung dengan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai votting satu dua orang engineer atau pakar luar negeri yang di-datangkan ke negeri kita mengambil masa yang lama oleh Polis, vet orang ini samada dia kominis atau tidak. Kadang-kadang mengambil masa satu dua bulan? Dengan sebab itu boleh atau tidak jika perkara ini ada berlaku—perkara ini memang berlaku, dapat dipendekkan masanya. Adakah special fail pula di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk vetting orang-orang ini supaya lekas masuk ke negeri ini supaya lancar perjalanan perindustrian dalam negeri kita. Boleh atau tidak dibuat demikian?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Ini boleh bagi pihak saya selaku Menteri yang terlibat dalam perkara ini, kita mahu perkembangan industri ini berjalan dengan lancar, licin dan segera. Sebagai Menteri yang berkenaan, saya bersedia menerima apa sahaja rayuan, lapuran semacam ini dan kalau sekiranya kuasa ini bukan kepada saya selaku Menteri Perdagangan dan Perindustrian bahkan kepada Menteri lain seperti Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, saya bersedia menyampaikan perkara ini kepada pihak Menteri yang berkenaan supaya dapat disegerakan perkara-perkara yang mungkin boleh melambatkan pelancaran satu-satu projek perindustrian.

HOSPITAL BESAR MELAKA— KESESAKAN

5. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar tentang keadaan kesesakan yang terdapat di wad-wad di Hospital Besar Melaka dan jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi keadaan tersebut; dan
- (b) samada Kementerian akan membina sebuah Hospital Daerah di Daerah Jasin dan Alor Gajah di Negeri Melaka supaya penduduk-penduduk yang

tinggal jauh dari bandar Melaka dapat diberikan perkhidmatan dengan lebih memuaskan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Ya, saya sedar tentang keadaan kesesakan yang kadang-kala terdapat di wad-wad di Hospital Besar Melaka. Kesesakan sedemikian bukan sahaja didapati di Hospital Besar Melaka bahkan juga di hospital-hospital yang lain. Ini adalah disebabkan rakyat negara ini bertambah sedar tentang perlunya rawatan perubatan dan perkhidmatan hospital. Kementerian saya telah membuat beberapa cadangan untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan di Hospital Besar Melaka di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Cadangan-cadangan ini telahpun diluluskan dan Kementerian saya akan mengambil tindakan untuk melaksanakannya dalam jangka masa Rancangan tersebut. Sejumlah \$2.4 juta telahpun diluluskan untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan Hospital Besar Melaka di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.
- (b) Kementerian saya tidak merancang untuk membina sebuah hospital di Jasin di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Ini adalah kerana Jasin hanya 18 batu daripada Hospital Besar Melaka dan 9½ batu daripada Hospital Daerah Tangkak. Kemudahan-kemudahan yang ada di kedua-dua hospital ini adalah dianggap cukup untuk memenuhi keperluan penduduk-penduduk Jasin. Satu wad baru bagi kanak-kanak telah siap dibina di Tangkak pada tahun 1973 dan sebuah poliklinik di Hospital Daerah Tangkak hampir siap dibina.

Di Alor Gajah telahpun ada sebuah hospital daerah kecil dan kemudahan-kemudahan di hospital itu adalah cukup untuk penduduk-penduduk di Alor Gajah.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soal tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa Hospital Daerah Tangkak yang baru disebutkan sebentar tadi itu adalah dalam negeri Johor? Tidakkah menjadi satu perasaan kurang manis orang Melaka datang

berubat di negeri Johor dan kemudahan yang didapati oleh pegawai-pegawai dalam Hospital Daerah Tangkak itu telah dinikmati orang-orang dari kawasan lain dan menyulitkan pula penduduk tempatan? Jadi dengan keadaan ini, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidakkah keadaan yang semacam ini menjadikan satu tegahan kurang manis dikatakan mengambil pesakit-pesakit daripada luar daerah kepada sebuah negeri yang tertentu.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar Hospital Daerah Tangkak itu di dalam negeri Johor, tetapi soal perkhidmatan kesihatan dan perubatan ini tidak mengetahui di mana bordernya. Oleh itu saya rasa amatlah manis jika orang-orang di Johor boleh menerima orang-orang daripada Melaka untuk mendapat rawatan kesihatan dan perubatan dan ini adalah dikehendaki sangat oleh Kementerian saya.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Adakah Kementerian ini sedar bahawa pegawai-pegawai daripada Hospital Daerah Tangkak hendak memberi rawatan kepada orang-orang di dalam daerah Jasin, mereka pergi ke Melaka. Bukan pergi ke Jasin? Jadi dengan keadaan ini akan merugikan perkhidmatan di Hospital Daerah Tangkak dengan adanya keadaan dibenarkan boleh merawat orang-orang dari daerah lain.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai perubatan daripada Tangkak mereka tak datang ke Melaka. Orang-orang Melaka yang sakit datang ke Hospital Daerah Tangkak. Jadi tak berbangkit soal rugi masa pegawai-pegawai perubatan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, kalau seorang dari Daerah Jasin kena sakit yang tak boleh datang ke hospital memerlukan ambulance pegawai daripada Tangkak ke sana. Jadi dengan keadaan yang macam ini, saya mengatakan bahawa rugi orang dalam Johor dengan sebab pergi ke Jasin.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang rugi tidak menjadi cerita, jika berbudi digantikan dengan budi yang baik.

PENAGIH-PENAGIH DADAH

6. Dr Lim Ah Sitt minta Menteri Kebajikan Am menyatakan:

(a) jumlah bilangan penagih-penagih dadah yang telah atau sedang dirawat di berbagai-bagai pusat-pusat pemulihan penagih dadah dan hospital-hospital daerah di negara ini tahun lalu, dengan memberikan angka-angka pecahan menurut keturunan, umur dan jantina dan jenis-jenis dadah yang terlibat; dan

(b) peratus penagih dadah yang telah pulih dan peratus yang tidak pulih.

Menteri Kebajikan Am (Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua,

(a) (i) Bilangan penagih-penagih dadah yang masuk di pusat-pusat pemulihan penagih dadah di bawah jagaan Kementerian Kebajikan Am dalam tahun 1975 ialah 30 orang iaitu seperti berikut:

Mengikut Keturunan:

Melayu	20
China	7
India	3

Mengikut Umur:

Lebih 12 hingga 15 tahun	2
Lebih 15 hingga 18 tahun	5
Lebih 18 hingga 21 tahun	8
Lebih 21 hingga 30 tahun	14
Lebih 30 hingga 40 tahun	1

Mengikut Jantina:

Lelaki	30
Perempuan	—

Mengikut Jenis Dadah Yang Terlibat:

Heroin	25
Poly Drugs	3
Opium (candu)	1
Ganja	1

(ii) Bilangan penagih-penagih dadah yang telah atau sedang dirawat di hospital-hospital daerah dalam tahun 1975 ialah 1,855; iaitu seperti berikut:

Mengikut Keturunan:

Melayu	876
China	614
India	290
Lain-lain	105

Mengikut Umur:

15 tahun ke bawah	12
16-25 tahun	802
26-35 tahun	680
35 tahun ke atas	391

Mengikut Jantina:

Lelaki	1,876
Perempuan	9

Mengikut Jenis-jenis Dadah Yang Terlibat:

Marijuana	215
Candu (Opium)	152
Morphine	292
Heroin	827
Mx Pills	7
Poly Drugs	392

(b) Dukacita buat masa ini peratusan penagih-penagih dadah yang telah dipulih atau yang belum dipulih tidak dapat diberikan, kerana seseorang penagih itu hanya boleh dikatakan betul-betul pulih jika ia tidak berbalik mengambil dadah dalam jangka masa tiga tahun selepas ia mula diberi rawatan pemulihan.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin:

Adakah Yang Berhormat sedar apakah sebab maka bilangan Melayu lebih banyak yang menghisap dadah itu dipulihkan daripada lain-lain kaum? Bolehkah Yang Berhormat Menteri ataupun Kementerian Kebajikan menerangkan sebab-sebab berlaku maka bilangan bumiputra Melayu lebih banyak menghisap dadah?

Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani:

Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebabnya itu barangkali tentulah banyak. Tugas Kementerian saya hanya memulihkan mereka yang dihantar. Kajian yang begini barangkali juga adalah memerlukan satu kajian yang menyeluruh daripada sosio-ekonomi orang Melayu sendiri. Dan ini bukanlah satu perkara yang boleh ditentukan dalam masa yang singkat.

Datuk Dr Wee Khoo Hock:

Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, samada Kerajaan akan menggunakan Pusat-pusat Penagih Dadah itu untuk mendapatkan penerangan-penerangan terhadap sumber atau penagih dadah itu supaya tindakan dapat diambil untuk menghapuskannya.

Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani:

Tuan Yang di-Pertua, tugas penting Pusat-pusat Pemulihan ini diadakan ialah terutamanya bagi hendak menolong mangsa-mangsa ataupun penagih-penagih dadah ini membuang habit ataupun kegemaran mereka yang sangat tidak baik ini. Jadi samada ini juga akan digunakan sebagai sumber-sumber penerangan ataupun hendak mengambil satu research pula berkenaan hendak mencari mereka yang menjadi pushers ini adalah soal yang kedua. Dan ini bukanlah dalam bidang tugas Kementerian Kebajikan Am.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad:

Soalan tambahan. Adakah Kementerian ini ber-cadang satu masa yang akan datang sesiapa juga yang menjadi penagih dadah wajib mendaftarkan dirinya kepada Pusat Penagih Dadah yang telah ditubuhkan dalam tanah-air kita ini?

Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani:

Tuan Yang di-Pertua, hendak mewajibkan semua penagih-penagih dadah ini mendaftarkan tentulah ini perlu dirundingkan kerana kalau barangkali hendak mendaftarkan semua penagih ini sepuluh Pusat Pemulihan lagi pun rasa saya tidak dapat menampung mereka ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad:

Tuan Yang di-Pertua, bila Kementerian hendak mendirikan Pusat Penagih Dadah dalam Negeri Johor walhal Kerajaan Johor telah bermurah hati beri kepada Kementerian ini sebuah kawasan tanah yang luas.

Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani:

Akan didirikan tidak lama lagi, Tuan Yang di-Pertua, mengikut yang telah diluluskan oleh Rancangan Malaysia Ketiga.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad:

Tahun berapa?

Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani:

Kerja pembinaan jika diizinkan oleh keadaan akan dimulakan dalam tahun hadapan selewat-lewatnya.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:

Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri mengatakan jikalau hendak didirikan sepuluh Pusat Pemulihan pun tidak dapat menampung mereka. Jikalau misalnya Kerajaan Malaysia berfikir iaitu

dadah ini adalah membahayakan, jangankan sepuluh, seratus mesti didirikan. Betul tidak begitu?

Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memang betul, tetapi mendirikan pusat-pusat ini tidaklah begitu juga susah, sebaliknya hendak mengadakan kakitangan yang terlatih ini juga merupakan satu kerumitan yang perlu diatasi.

PEMBANGUNAN KAWASAN PERINDUSTRIAN

7. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau bercadang untuk mengadakan suatu kawasan perusahaan di Tapah supaya dapat diadakan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk tempatan bagi mengatasi masalah pengangguran.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya nyatakan beberapa kali, di bawah peraturan sekarang, penubuhan fizikal ataupun kemudahan-kemudahan asas untuk kawasan-kawasan perindustrian adalah diselenggarakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Kementerian saya melalui Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan atau FIDA akan membantu Kerajaan Negeri dan menentukan penyelarasan dalam pembangunan kawasan-kawasan perindustrian yang sesuai.

Dalam perancangan perindustrian Negeri Perak, Kerajaan Negeri berkenaan telahpun mengadakan keutamaan-keutamaan tertentu untuk memajukan kawasan-kawasan perindustrian di beberapa tempat. Buat masa ini masih tidak terdapat cadangan tertentu untuk menubuhkan sebuah kawasan perindustrian di Tapah; walau bagaimanapun Kementerian saya akan terus memberikan kelulusan kepada projek-projek yang akan ditempatkan di Tapah, sekiranya projek-projek tersebut adalah sesuai ditempatkan di kawasan itu.

BAS PELANCUNGAN DARI THAILAND

8. Puan Hajjah Tom Saudah binti Haji Othman minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

(a) samada Kementerian sedar akan banyaknya bas-bas pelancungan dan

bas-bas sewa dari Thailand yang bergerak ke Kuala Lumpur dan sehingga ke Singapura yang mungkin akan mengakibatkan barang-barang luar negeri dibawa masuk ke negeri ini seperti dadah dan senjata; dan

(b) samada Kementerian sedar bahawa bas-bas Thai ini menyekat perniagaan syarikat-syarikat bas tempatan dengan mengenakan bayaran tambang yang lebih murah misalnya dari Alor Star ke Kuala Lumpur hanya \$12 sedangkan MARA mengenakan tambang sebanyak \$18.

Jika sedar, apakah tindakan Kementerian akan diambil dan bila.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, bagi menjawab soalan (a) Kementerian Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam sedar ada terdapat bas-bas pelancung dan penumpang dari Thailand memasuki negeri ini. Walau bagaimanapun semua pelancung-pelancung yang memasuki di negeri ini tidak kira samada menggunakan bas-bas ataupun kenderaan-kenderaan lain adalah diperiksa oleh pihak-pihak berkuasa yang berkenaan seperti Kastam dan Imigresyen. Saya percaya pegawai-pegawai yang berkenaan itu adalah menjalankan tugas pemeriksaan dengan rapi mengelakkan barang-barang merbahaya dari dibawa masuk ke dalam negeri ini oleh pelancung-pelancung asing.

Jawapan kepada (b) Kementerian ini juga sedar bahawa kehadiran bas-bas asing telah sedikit-sebanyak membawa kesan buruk kepada pengusaha-pengusaha pengangkutan awam tempatan. Kementerian Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam sedang mengambil tindakan-tindakan tertentu bagi menjaga kepentingan perusahaan pengangkutan awam tempatan ini. Rondaan-rondaan khas telah dibuat ke atas bas-bas asing yang digunakan secara haram di negeri ini dengan tujuan mendakwa mereka yang terlibat. Di samping itu satu peraturan tertentu telahpun ditetapkan bagi bas-bas pelancung dari Thailand yang akan memasuki negeri ini dan mana hanya kemasukan yang sah dan mengikuti syarat-syarat tertentu sahaja yang dibenarkan. Peraturan ini sedang dikuatkuasakan sekarang.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin:

Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kerajaan sama-sama menimbangkan kemasukan bas pelancungan dari Singapura? Kerana masuknya bas pelancungan dari Singapura ke Malaysia ini, ini juga mengurangkan mata pencarian bagi pelancungan di Negeri ini. Adakah Kerajaan mencadangkan menimbangkan supaya menahan bas pelancungan dari Singapura itu masuk ke Malaysia ini?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu kalau melihat kepada soalan asal ialah mengenai kemasukan bas dari Thailand, jadi saya rasa soalan ini soalan lain, dan saya minta notis.

**PENJAJA-PENJAJA DI JALAN
DATUK KERAMAT**

9. Puan Hajjah Tom Saudah binti Haji Othman minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan apakah tindakan yang akan dijalankan oleh Kementerian dan bila:

- (a) untuk memelihara kebersihan di sekitar Jalan Datuk Keramat yang nyata sesak dan kotor dan sesak dengan penjaja-penjaja dan samada penjaja-penjaja tersebut dapat dialih ke tempat berjauhan sedikit dari jalan besar; dan
- (b) untuk mengurangkan kesesakan lalu-lintas di kawasan tersebut disebabkan tersangat kecilnya jalan itu dalam mana semua kenderaan baik kereta, bas dan lori menjadikannya tempat perhentian.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk mengatasi masalah kebersihan, kesejukan dan kesesakan di sekitar Jalan Datuk Keramat, Dewan Bandaraya telahpun mengambil tindakan pada penghujung tahun lepas iaitu mendirikan sebuah kompleks perniagaan kecil bagi semua peniaga-peniaga kedai, gerai dan penjaja-penjaja di tepi jalan di sekitar kawasan pusat perniagaan yang berhampiran dengan tempat perhentian bas Kampung Datuk Keramat. Projek ini yang dijangka siap dalam masa 3 atau 4 bulan lagi akan dapat menempatkan semua peniaga-peniaga

tersebut dari kawasan tepi-tepi jalanraya yang sesak dan sesak dengan lalu-lintas yang dikatakan itu.

Projek ini menelan belanja \$2 juta dilengkapkan dengan kedai-kedai, gerai berkunci, gerai-gerai pasar dan gerai-gerai menjual makanan. Selain daripada tempat-tempat berniaga, peniaga-peniaga yang terlibat yang tinggal di rumah-rumah atau pondok-pondok haram juga akan diberikan tempat-tempat tinggal tetap di rumah pangsa bertingkat yang dibina bersama dalam kompleks tersebut.

- (b) Untuk mengurangkan kesesakan lalu-lintas di kawasan sekitar jalan Datuk Keramat, kerja-kerja memperbaiki sistem lalu-lintas dengan melebarkan dan membaiki jalan-jalanraya dan simpang-simpang yang sempit dan sesak telah dijalankan. Projek ini dijangka akan siap tidak berapa lama lagi. Satu sistem jalan sehalu telah juga dikuatkuasakan di kawasan tersebut dan ini telah dapat mengurangkan kesesakan lalu-lintas.

Puan Hajjah Tom Saudah binti Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi jawapan berkenaan, tetapi tidakkah ada Majlis Tempatan melarang meletak-letak kereta di tepi-tepi jalan yang mana jalan itu terlampau sempit dan di situ juga telah meletak kereta-kereta.

Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu tahu bahawa tugas mengawasi perkara-perkara seperti itu adalah di tangan polis lalu-lintas.

PERUMAHAN LUAR BANDAR

10. Datuk Mansor bin Mohamed (di bawah S.O. 23 (2)) minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan:

- (a) samada Kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk menubuhkan sebuah rancangan perumahan khas bagi peladang-peladang dan lain-lain rancangan seperti yang tersebut itu di kawasan Rancangan Perairan MUDA;
- (b) jika ya, bilakah ianya akan dilaksanakan; dan

(c) samada Kerajaan akan terus menubuhkan lebih banyak lagi rancangan-rancangan perumahan bagi penduduk-penduduk di kampung-kampung sebagaimana yang dibuat oleh MARA.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada:

(a) ialah tidak ada.

(c) Saya suka menyatakan iaitu Rancangan Perumahan Luar Bandar yang dikendalikan oleh pihak MARA dahulu tidak lagi dilaksanakan menurut konsep itu lagi. Sebagai gantinya satu Sekim Pinjaman Perumahan dari Kumpulan Wang Amanah Pinjaman untuk golongan berpendapatan rendah telah diwujudkan dan kawasan perlaksanaannya dihadkan menurut keutamaan keadaan ini, iaitu kampung-kampung berhampiran sesuatu estet perindustrian, kampung-kampung baru dan estet-estet serta lombong-lombong.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah mengatakan bahawa rancangan perumahan penduduk-penduduk kampung yang dibuat oleh MARA telah tidak dapat dijalankan. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu apa sebab-sebab bahawa rancangan ini dijalankan. Adakah Kementerian ini sedar bahawa banyak rumah-rumah yang telah didirikan oleh MARA dahulu, tuannya rumah itu tidak mahu bayar duit dengan MARA.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu di bawah Kementerian lain. Walau macam manapun soalan itu soalan mengenai dengan rumah MARA yang tidak bayar dan sebagainya, itulah sebab Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun telahpun mengumumkan Wang Amanah sebanyak \$10 juta, dan Kementerian saya akan menjalankan dasar untuk hendak membantu kepada mereka yang saya sebutkan dalam jawapan saya tadi ialah lain konsepnya ataupun lain sistemnya daripada yang telah dijalankan oleh pihak pengalaman-pengalaman yang lalu. Jadi, dalam masalah soalan Ahli Yang Berhormat itu mengenai dengan soal MARA, saya tidaklah dapat mengetahui bahawa orang bayar atau orang tidak bayar,

hanya saya dapat menerangkan bahawa rancangan yang hendak dijalankan itu adalah rancangan wang pusingan, dia ada sekim-sekim yang tertentu.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebutkan wang sebanyak \$10 juta telah disediakan. Dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan berapa banyak daripada jumlah itu telah dipinjamkan?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, permohonan-permohonan sedang diterima dan Kementerian saya sedang proses permohonan-permohonan untuk melaksanakan perumahan itu. Walau macam manapun, peruntukan-peruntukan di negeri Perak \$2 juta dan sedang di dalam langkah oleh P.K.E.N. atau agensi negeri dan negeri Kedah diasingkan sebanyak \$1 juta dalam rancangan wang \$10 juta itu.

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KETIGA 1976-1980

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini *menyedari* kemajuan yang sempurna yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan peringkat pertama Dasar Ekonomi Baru melalui Rancangan Malaysia Kedua;

bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan seterusnya untuk mencapai tujuan penting terhadap perpaduan negara melalui pembasmian kemiskinan, tanpa mengira kaum, dan penyusunan semula masyarakat Malaysia serta usaha memperkukuhkan lagi keselamatan negara;

meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980, yang telah dirangka dengan jelasnya untuk mencapai matlamat-matlamat negara, dasar-dasar dan kewajipan-kewajipan sebagaimana termaktub dalam Dasar program-program pembangunan seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah No. 25 tahun 1976.

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga, Dewan ini *menyeru* semua rakyat Malaysia dari semua lapisan hidup untuk memberi sumbangan mereka, mengikut hasrat Rukunegara untuk membentuk satu Negara yang bersatu padu, aman damai, saksama, maju dan kukuh. (11hb Ogos, 1976).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat Datuk Syed Hassan Aidid menyambung, oleh kerana Datuk telah mengambil lebih kurang 36 minit pada petang semalam, saya minta Datuk sila ringkaskan ucapan.

3.36 ptg.

Datuk Syed Hassan Aidid: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya hendak bercakap satu masa sahaja, masalah di Pulau Pinang, kalau panjang pun iaitu berkenaan dengan Pulau Pinang sahaja, ini mustahak. Pertama, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang bercakap.

Menyambung semula ucapan saya pada petang kelmarin, sememangnya tidak siapa boleh menafikan iaitu Pulau Pinang adalah satu negeri yang maju penuh dengan kilang-kilang, baru-baru ini pula penuh dengan Urban Centre dan hotel-hotel boleh dikatakan tumbuh sebagai cendawan daripada Tg. Bunga ke Batu Feringgi sampai ke Telok Bahang. Tetapi yang mendukacitakan ialah orang Melayu. Keadaan orang Melayu sangatlah mendukacitakan oleh sebab kemiskinan mereka kerana soal yang pertama iaitu soal kewangan. Kalau mereka hendak berniaga di bandar jauh sekali, boleh dikatakan tidak berapa kerat ada orang Melayu berniaga di bandar. Cuma yang dapat mereka menikmati daripada kilang-kilang ialah kerja buruh. Belia-belie boleh dikata beribu-ribulah yang bekerja di kilang-kilang di Bayan Lepas mahupun di Seberang Prai, dan di hotel-hotel begitu juga mereka dapat bekerja sebagai buruh, pelayan atau jaga dengan uniform. Jadi, inilah nikmat yang orang-orang ini dapat daripada nikmat kemerdekaan dan setengah-setengah itu bekerja sebagai nelayan dan kita sendiri tahulah hal nelayan bukan di Pulau Pinang sahaja, pendapatan mereka terlampau rendah boleh dikatakan antara \$60-\$100 sebulan. Jadi keadaan begini telahpun berjalan lama lebih kurang semenjak hari kemerdekaan sehinggalah hari ini. Soal yang penting ialah kewangan.

Saya beri satu contoh di sini. UMNO telahpun menubuhkan satu syarikat yang dinamakan Syarikat Nusantara yang dipunyai 7% oleh orang Melayu dan 30% oleh P.D.C. Kita telah berjalan selama tiga tahun dan kita dapat berbagai-bagai peluang projek dan ajensi-ajensi, tetapi yang mendukacitakan, Tuan Yang di-Pertua, terlebih maklum-lah, kalau daripada orang Melayu berapa banyakkah saham kita boleh kumpul. Sungguhpun fail tidak ada di sini, tetapi saya tak fikir lebih daripada 200,000. Dengan 200,000 ini apa kita boleh buat? Kalau kita hendak jadi agen motokar pun berkehendakan wang. Kalau hendak jadi agen Rothmans pun saya fikir berkehendakan modal dan berbagai-bagai. Kita telah diberi tanah ataupun dijual tanah oleh Kerajaan Pulau Pinang sebanyak 5 ekar dengan nama Nusantara untuk membina 80 yunit rumah. Dan Nusantara telah pula mengadakan joint-venture dengan satu syarikat swasta iaitu 45% daripada swasta, 45% Nusantara dan 10% daripada P.D.C. Perkara ini berjalan lebih kurang setahun ataupun dua tahun. Ahli-ahli syarikatnya sungguh bersemangat, tetapi itulah bersemangat sahaja dengan tidak ada wang. Pada akhirnya apabila kontrek ini hendak berjalan kita tidak ada wang dan terpaksa kena jual ataupun serah balik 45% tadi kepada P.D.C. dan kita cuma ada 10% sahaja. 10% inipun tidak ada wang, ini adalah keadaan yang berjalan di Pulau Pinang. Sekarang ini juga kita masih hendak mengadakan satu projek lagi iaitu membina rumah di dalam bandar. Kita dapat tanah tetapi tidak ada wang, jadi soal pokoknya ialah kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang setahun yang lalu oleh kerana desakan daripada UMNO, maka satu kumpulan pegawai-pegawai Kerajaan daripada Pusat telahpun pergi ke Pulau Pinang untuk mengkaji sedalam-dalamnya keadaan orang Melayu di Pulau Pinang dan mereka telah menerima memorandum daripada chamber of commerce, UMNO dan berbagai-bagai badan yang lain. Kesimpulannya, memorandum itu bertujuan supaya Kerajaan Pusat mengadakan atau menubuhkan satu yunit kewangan untuk orang Melayu di Pulau Pinang. Pegawai-pegawai ini akan dilantik oleh Kerajaan Pusat supaya mengawasi sektor kewangan yang saya tidak patut sebutkan berapa jumlahnya di sini. Kalau kita boleh

berikan wang kepada PERNAS atau lain-lain badan, kenapakah tidak boleh menolong orang Melayu dengan menubuhkan satu unit supaya dengan wang ini dapatlah kita jalankan segala projek-projek. Sekiranya tidak ada wang saya percaya keadaan orang Melayu semakin sehari semakin merosot dan mereka akan menjadi hamba di negeri mereka sendiri, di Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah keadaan begini berjalan saya percaya orang Melayu di Pulau Pinang sungguhpun mereka beragama Islam, tetapi kesabaran ada limitnya. Walau bagaimanapun, kami masih lagi tidak putus asa, kami mempunyai kepercayaan yang penuh kepada Kerajaan Pusat, khususnya kepada Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn, Perdana Menteri yang dikasihi supaya mempercepatkan perkara ini, kerana laporan ini ada pada Kerajaan Pusat. Dengan kebijaksanaan serta belas kasihan dan jasa baik Perdana Menteri kita dapatlah memberi satu penjelasan dan juga dapat menubuhkan unit kewangan yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan UDA, ini juga adalah satu masaalah yang dibangkit-bangkitkan di Pulau Pinang beberapa kali yang sudah. Perkara ini berlaku lebih kurang 4-5 tahun yang lalu, iaitu penduduk-penduduk di Tanjong Tokong keadaan rumah mereka sangat mengeciwakan, tidak teratur dan ada yang terdapat senget di sana-sini, keadaan kesihatannya tidak memuaskan. Kita telahpun menjemput Allahyarham Tun Haji Abdul Razak 4-5 tahun yang lalu dengan diiringi kompong dan berbagai-bagai lagi serta beribu-ribu orang menyambutnya. Tun juga telah bersimpati serta bersetuju supaya diadakan projek di Tanjong Tokong, dan beliau telah memberi green light kepada UDA. Selepas daripada itu beberapa kali pegawai-pegawai UDA telahpun melawat di Pulau Pinang dan mengambil tahu hal keadaan rumah-rumah yang kebanyakannya boleh dikatakan dipunyai oleh orang Melayu.

Pada hari ini sudah 4 tahun, kita tidak tahu apa yang sudah jadi atas perkara ini. Ini menjadi satu tandatanya kepada penduduk di Tanjong Tokong samada wang ini pergi kepada lain tempat, dan saya difahamkan tender sudah dikeluarkan, tetapi sampai hari ini perkara ini tidak beres—senyap-sunyi. Jadi, saya minta kepada Menteri yang berkenaan tolonglah beri jawapan yang tegas

di dalam Dewan yang mulia ini supaya penduduk-penduduk Tanjong Tokong tahu akan keadaan yang sebenarnya samada projek ini akan berjalan atau tidak, jangan menjadikan penduduk-penduduk itu mengharap-harapkan sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tolong ringkaskan ucapan Yang Berhormat.

Datuk Syed Hassan Aidid: Sebenarnya, saya ada beberapa perkara yang khas di Pulau Pinang bukan sahaja berkenaan dengan orang Melayu. Oleh kerana saya akan mengambil masa yang panjang, jadi saya hendak berbalik menyentuh sedikit mengenai Rancangan Malaysia Ketiga. Rancangan ini adalah baik, murni dan jujur, satu rancangan yang cukup berani yang memakan belanja \$18.6 billion. Tetapi saya suka menegaskan di sini sekali lagi, iaitu saya percaya dengan kejujuran Perdana Menteri kita dan juga Kerajaan, rancangan ini akan berjaya, tetapi dengan tiga syarat:

Pertama, dengan kerana kerja pembangunan ini terlampau besar sehingga melibatkankan kerja-kerja pegawai Kerajaan, saya harap Kerajaan akan menambah lagi pegawai-pegawai Kerajaan, biarpun di Pusat dan juga di negeri-negeri. Kalau tidak, kita tidak boleh salahkan (blame) pegawai-pegawai Kerajaan. Kita juga tidak boleh kata mereka tidak jujur, tetapi ialah oleh kerana kekurangan kakitangan.

Kedua, iaitu minta bersungguh-sungguh supaya pihak swasta khususnya syarikat-syarikat swasta hendaklah bekerjasama.

Ketiga, pinjaman. Ini adalah satu perkara yang besar, saya minta supaya bank-bank khasnya Bank Bumiputra supaya melonggarkan syarat meminjam wang yang berjumlah \$1,000 kepada \$5,000. Sebagaimana yang saya tahu di Pulau Pinang seorang yang hendak meminjam wang sebanyak \$1,000 atau \$2,000 kena meminta kelulusan daripada di Kuala Lumpur dan kena menunggu sampai 2-3 bulan. Jadi, saya minta supaya Bank Bumiputra memberi satu kuasa kepada pengurus-pengurus di semua negeri supaya mereka boleh memberi pinjaman yang lebih lekas supaya mereka boleh menjalankan kerjanya.

Akhirnya, semua pihak termasuk kaki-tangan Kerajaan mestilah bersikap jujur dan kita sesama kita juga mestilah jujur. Sekiranya kita dapat menolong orang-orang miskin saya percaya pada akhir tahun 1980 tidak akan ada lagi kemiskinan. Terima kasih.

3.50 ptg.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengambil peluang ini untuk memberi ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Haji Othman bin Abdullah yang dilantik sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan saya harap pada masa akan datang Kerajaan akan melantik lebih banyak lagi Ahli-ahli Dewan Negara sebagai Menteri dan Setiausaha Parlimen. Ini boleh mengimbangkan (balance) dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil peluang mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Ahli-ahli Senator yang baru terutama;

Yang Berhormat General Tan Sri Abdul Hamid bin Bidin.

Yang Berhormat Datuk Hussein bin Mohd. Noordin.

Yang Berhormat Tuan V. V. Aboo.

Yang Berhormat Tuan M. Mahalingam.

Yang Berhormat Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein.

Yang Berhormat Tuan S. M. Vellayappa.

Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Azizudin bin Haji Zainal Abidin.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kerajaan akan melantik banyak lagi pegawai-pegawai kanan yang telah tamat berkhidmat seperti General Tan Sri Abdul Hamid Bidin, atau pegawai-pegawai Kerajaan yang mempunyai pengalaman yang tinggi seperti beliau.

Mengenai Rancangan Malaysia Ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan oleh sebab Allahyarham Tun Abdul Razak yang kita cintai, begitu besar minatnya iaitu beliau pada masa akhir-akhir hayatnya beliau beramanat akan datang untuk membentangkan Rancangan Malaysia Ketiga, itulah amanat beliau sebelum meninggal dunia. Oleh sebab itu, saya minta kita namakan Rancangan Malaysia Ketiga sebagai Rancangan Tun Abdul Razak Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia serta penduduk negara mesti mengucapkan terima kasih kepada seorang tokoh pemimpin sebagai kenangan yang kekal dan abadi dengan tak putus-putusnya dan dengan itu, saya juga mencadangkan kepada Kerajaan supaya jangan diturunkan gambar Tun Razak kita daripada Jabatan-jabatan Kerajaan, terus simpan gambar itu dan juga jika tidak ada apa-apa halangan taruh juga gambar Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Ini boleh menunjukkan rakyat ada mengingati pemimpin yang telah memperjuangkan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketiga atau Buku Hijau yang saya pegang ini ialah dalam tempoh lima tahun menjadi tempat bergantung nyawa dan jiwa rakyat dan negara. Kita patut menghadapi segala masaalah yang dialami oleh rakyat dengan tidak ada apa-apa diskriminasi samada India atau China atau Melayu dan sebagainya. Dalam tempoh lima tahun ini, Kerajaan mesti membetulkan mana-mana tindakan yang telah silap, kita membetulkan sistem Kerajaan kita di mana kita boleh merapatkan perpaduan dan muhibbah antara kaum. Ini sangat penting pada dasar Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn. Rakyat mesti dapat merasai nikmat pembangunan dan kemajuan yang diberi oleh Kerajaan yang dipimpin oleh Datuk Hussein Onn dan Dr Mahathir Mohamad.

Tuan Yang di-Pertua, inilah satu peluang yang dapat kepada Kerajaan, maknanya kita boleh membetulkan segala kesilapan kita di masa lalu, tetapi jika kita pandang mengimplementasikan dasar Kerajaan, apa-apa yang tak betul, apa-apa yang ketinggalan kita buat dengan betul. The spirit is not put into action, into practice. Rakyat mesti dapat merasai apa nikmat pembangunan mengikut dasar yang baik yang sesuai kepada negara, rakyat mesti merasai dan menerimanya hasil daripada dasar yang berpandangan jauh. Ini adalah sangat penting oleh sebab kita selalu memberi ingatan kepada rakyat bahawa keselamatan negara adalah satu perkara yang sangat penting bagi kita terutama dalam usaha merapatkan semua rakyat. Ini sangat penting jika kita hendak menghapuskan gerakan komunis, tetapi jika rakyat banyak tak puas hati oleh kerana sistem kita barangkali ada yang salah, ada yang bocor,

mungkin susah mendapat sokongan dan kejayaan dalam matlamat Rancangan Malaysia Ketiga.

Saya harap dalam tempoh lima tahun akan datang di mana yang telahpun tersilap dalam Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua, maka dalam Rancangan Malaysia Ketiga hendaklah kita betulkan dan susun semula untuk semua golongan rakyat dan jangan berdasarkan diskriminasi antara Melayu, China dan India.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua, yang saya suka membawa perhatian Kerajaan ialah Lapuran Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali. Perkara ini telah membawa suatu putus harapan kepada rakyat. Ini adalah suatu perkara yang sangat penting dipandang oleh pekerja-pekerja dan mereka menunggu begitu lama kerana Kerajaan telah memberi harapan yang tinggi (high expectations and hope) kepada rakyat. Rakyat tahu bahawa Lapuran Ibrahim Ali itu telah mengadakan cadangan-cadangan yang bagus tetapi kajian Lapuran Ibrahim Ali itu telahpun mengambil masa, jika tak salah saya lebih kurang dua tahun, tetapi Kerajaan terus simpan dengan tidak mengimplementasikan Lapuran itu. Hanya baru-baru ini Kerajaan berjanji bagaimanapun Kerajaan akan melaksanakan Lapuran itu dalam tempoh enam bulan. Saya harap janganlah ditangguhkan lebih daripada 6 bulan. Ini satu perkara yang sangat penting dan ini boleh menyebabkan Kerajaan "unpopular"—this is an important aspect.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan perumahan, saya diberitahu iaitu dalam kenyataan 1972 yang dikeluarkan oleh Kerajaan, pegawai-pegawai Kerajaan atau kakitangan Kerajaan yang hendak meminta pinjaman wang untuk membeli rumah boleh dibenarkan membayar balik wang pinjaman itu dalam tempoh 10 tahun. Kenyataan itu pada tahun 1972 tetapi pada masa sekarang ini tahun 1976 ada pula satu circular yang menghapuskan (supersede) circular tahun 1972 menjadikan tempoh membayar balik ialah lima tahun sahaja.

Tujuan Kerajaan kita ialah memberi peluang setiap rakyat dapat mempunyai rumah. Jika kita hadkan masa atau kurangkan masa daripada 10 tahun kepada 5 tahun dapat kita bayangkan kesusahan atas

pegawai-pegawai yang telah berkhidmat dalam Jabatan Kerajaan, dengan kita kurangkan tempoh hingga 5 tahun, jadi kita tidak memberi peluang untuk mereka membeli rumah. Pada masa ini ada juga pegawai-pegawai yang terpaksa duduk di institutional quarters seperti di hospital dan sebagainya. Pegawai-pegawai yang terpaksa duduk di institutional quarters ini dia tidak ingat hendak membeli rumah sampai setahun lagi dia hampir bersara. Jika satu tahun lagi dia hendak bersara, baru hendak beli rumah dan tempoh untuk menyelesaikan loan ini dalam tempoh lima tahun, pencen pegawai ini boleh jadi katalah jika seorang pegawai itu bergaji \$1,200 sebulan maknanya pencennya \$400 dia terpaksa bagi menyelesaikan \$700-\$800 lagi sebulan. Bagaimana? Jadi dia tidak dapat membeli rumahnya. Dan harap Kerajaan memberi tempoh yang lebih lama iaitu 10 tahun untuk menyelesaikan loan ini.

Dan juga saya diberitahu, Tuan Yang di-Pertua, cara membeli rumah untuk pegawai-pegawai Kerajaan yang penting sekali ialah geran tanah atau rumah itu yang mesti diberikan kepada D.O. atau Government oleh si pembeli rumah. Apabila si pembeli ini iaitu pegawai-pegawai Kerajaan tersebut meminta geran dari taukeh rumahnya itu, taukeh pula kata dia telah minta geran daripada Kerajaan. Land office katanya belum siap dan mengambil tempoh dua tiga tahun. Ini telah menjadi satu masaalah yang susah kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang hendak membeli rumah. Harap Kerajaan atau Kementerian berkenaan ambil perhatian atas perkara ini yang saya ingat sangat penting. Kita mesti memberi bantuan dan pertolongan kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang hendak membeli rumah. Kita mesti menolong dengan mengadakan dasar dan mengimplimentasikannya bagi menunjukkan niat baik kita. Jangan kita sebut sahaja dengan mulut tetapi syarat itu mendatangkan kesusahan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita pandang kepada keadaan-keadaan pegawai-pegawai Kerajaan yang bersara selepas berkhidmat 35-36 tahun yang gajinya dia dapat lebih \$1,000 misalnya seperti seorang A.S.P. atau D.S.P. atau seorang Doktor atau sesiapa juga yang bergaji \$1,000 lebih, status kehidupan keluarga mereka apabila bersara terpaksa diturunkan dengan pencen \$300-\$400.

Saya harap Rancangan Malaysia Ketiga akan mengkaji keadaan hidup pegawai-pegawai Kerajaan untuk meninggikan taraf hidup pegawai-pegawai yang telah berkhidmat dengan begitu baik untuk kepentingan negara kita. They have devoted their entire service and they have given the best years of their life in the service of the country. Let us be grateful to them. Jika pegawai Kerajaan yang bergaji lebih \$1,000 bagaimana pula seorang pekerja yang mendapat \$250. Pencennya \$50 barangkali selain daripada minta sedekah, dia tidak mendapat apa-apa peluang. Di harap kita juga ingat pada orang miskin. Dalam usaha pembasmian kemiskinan, kita mesti siasat sedalam-dalamnya. Jangan kita mengadakan satu dasar, membuat satu rancangan begitu cantik dan baik tetapi rakyat tidak dapat merasainya. Rakyat jelata dalam negeri ini, rakyat miskin mestilah mahu merasainya dasar Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keempat berkenaan pemain-pemain Malaysia. Kita selalu mendengar pemain Malaysia selalu kalah dalam pertandingan dengan negara-negara lain di peringkat antarabangsa. Tetapi jika dibandingkan dengan peringkat antarabangsa, nampaknya kita langsung tidak ada ambil tahu nasib pemain-pemain kita. Jika dibandingkan dengan keadaan pemain-pemain dan keluarganya, kebanyakan mereka langsung tidak ada kerja. Misalnya pemain badminton kita ada di antaranya tidak ada pekerjaan langsung. Barangkali ada di antaranya bekerja sebagai meter-reader sahaja. Dua tiga bulan sebelum pertandingan antarabangsa diadakan allowance diberi. Jika dibandingkan dengan negara Indonesia, Kerajaan Indonesia membeli kereta untuk Rudy Hartono, membeli rumah bagi Rudy Hartono, memberi gaji kepada pemain-pemain Indonesia. Ini memberikan semangat kepada pemainnya. We expect too much from people whom we never take care of. Patut Kerajaan ambil tindakan atas perkara yang saya bawakan ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan gaji Polis yang telah diumumkan beberapa lama dulu iaitu gaji Polis akan dinaikkan. Tetapi cara membayar gaji Polis, saya diberitahu sangatlah tidak memuaskan. Seorang mata-mata yang telah sampai maksima atau seorang inspektor yang telah sampai maksima, misalnya 25 tahun,

dia kena tunggu lima tahun untuk dapat gaji baru. Kepada mata-mata yang baru itu, mereka untung kerana mendapat gaji baru yang Kerajaan akan bayar. Jika pihak Polis peringkat rendah dari Inspektor Kanan, mereka langsung tidak puas hati cara membayarnya. Saya harap Kementerian yang berkenaan akan membetulkan perkara ini.

Dengan ini saya harap, Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketiga atau Rancangan Tun Abdul Razak Ketiga akan membawa segala kemakmuran kemajuan dan perpaduan kepada golongan rakyat di negeri kita.

4.09 ptg.

Tuan Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin: Bismillahi-rahmani-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syukur kepada Allah dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana memperkenankan nasihat daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Datuk Hussein Onn melantik saya ke Dewan ini.

Kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan saya merasa penuh kegenteran di atas tanggungjawab yang telah diberikan kepada saya dan saya berazam moga-moga dapat saya memberikan buah fikiran dan kerjasama yang penuh bagi kebaikan dan pembangunan negara yang kita kasahi ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ini adalah pertama kalinya saya berucap di Dewan seperti ini maka perkenankanlah saya merakamkan ucapan terima kasih saya kepada sekalian yang membantu dan menyokong Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi melantik saya ke mari dan saya ucapkan ribuan terima kasih kepada mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penuh usul yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada hari Selasa yang lalu, maka sumber dan ulasan yang agar saya berikan di sini adalah barangkali mengikut jurusan yang saya ada sedikit-sebanyak ketahui iaitu saya berkelulusan di dalam Jurutera Galian telah berkhidmat di dalam Kerajaan 14 tahun dan sekarang 5 tahun bercimpung di dalam swasta, tahukah pahit

maung bagaimanakah gayanya bumiputra hendak berazam menyambut Dasar Ekonomi Baru di dalam perlombongan. Begitu juga sedikit-sebanyak saya memasuki bahagian pemborongan dan barangkali dapatlah saya sedikit menyumbangkan pendapat dan barangkali boleh menokok ataupun membantu sekiranya diterima cadangan-cadangan yang ada dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Begitu juga pada seorang yang bebas saya percaya sekeliannya kita di sini bersama pendapat dengan saya iaitu seorang yang bebas ia tidak boleh ketinggalan mengkecimpungkan diri di dalam bahagian politik, dan dengan ini saya samada nasib baik atau tidaknya termasuk di dalam golongan bumiputra duduk di bandar dan menduduki kawasan yang penuh dengan bukan Melayu dan kebanyakannya pula sukakan pihak Pembangkang seperti kawasan Menglembu di Perak.

Tuan Yang di-Pertua, Perlombongan. Di dalam Buku Hijau ini Bab XVIII membentangkan berkenaan dengan perlombongan, maka saya ambil para yang penghabisan dalam Bab itu para 1098 di mana menerangkan peranan Malaysia di dalam Perjanjian Timah Antarabangsa. Kepentingan perjanjian ini adalah bagi menstabilkan harga bijih timah yang menjadi sumber pertukaran wang asing yang ketiga besarnya di negara kita. Perjanjian yang kelima telahpun dilancarkan pada bulan Julai tahun ini dan pada pendapat saya sangatlah besar maknanya lebih-lebih lagi Amerika Syarikat telah dapat dipujuk menandatangani perjanjian itu dan yang lebih besarnya pada pendapat saya salah seorang warganegara Malaysia telahpun selamat dilantik menjadi Pengerusinya. Saya ucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai yang bekerja rapi bagi memperjuangkan pendapatan Malaysia di forum itu dengan jayanya dan diucapkan syabas kepada Kerajaan kerana telah mengiktirafkan Dewan Perlombongan Bumiputra pada kali ini mengambil seorang penasihatnya bagi rombongan ke Majlis Antarabangsa Bijih Timah.

Saya berpendapat peraturan-peraturan kawalan bijih timah yang mengawal percatuan keluarga yang di waktu kawalan bijih timah hendaklah diperkemaskan lagi dan memberi keutamaan dan kemudahan kepada pelombong-pelombong kecil untuk survival mereka itu. Sungguhpun telah ada saya

ketahui langkah-langkah yang memberi keutamaan seperti ini tetapi mengemaskan peraturan dan pentadbirannya mahulah dijalankan dengan rapi. Ini adalah untuk lombong-lombong yang dikatakan pam berpalung di mana mengikut angka yang diberi di dalam lapuran ini lebih daripada 50% dikeluarkan bijih timah daripada lombong-lombong demikian, dan bilangan mereka itu hampir 1,000 buah iaitu 1,000 lombong yang sedemikian sekejap tutup dan sekejap buka oleh kerana hendak menghidupkan perusahaan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut sumber-sumber yang diberikan di dalam Buku ini perindustrian bijih timah tidak akan berkembang bahkan merusut, maka di sini dua perkara yang saya suka menarik perhatian pihak yang berkenaan.

Pertamanya, untuk peruntukan yang dibelanjakan oleh Kerajaan bagi memajukan perusahaan ini. Para 1078 ada mengatakan tahun 1970 wang didapati daripada pertukaran luar dunia \$1.2 ribu juta, bermakna jika ini dijadikan purata adalah \$6 ribu juta yang akan didapati keluaran hasil; bukan hasil pendapatan Kerajaan iaitu nilai keluaran bijih yang akan dikeluarkan daripada tanah negara ini, tetapi Kerajaan akan membelanjakan iaitu menunjukkan peruntukan di Jadual 17—1 cuma \$5 juta sahaja iaitu jika diambil peratusan adalah kurang daripada 0.1%. Saya tidak mempunyai nilai ataupun statistics berkenaan dengan khazanah yang didapati, barangkali tidak kurang daripada 10% dan jikalau dibezakan dengan khazanah ini pula tidak lebih daripada 1% dibelanjakan oleh Kerajaan untuk menyasiat. Ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak termasuk wang yang akan didapati daripada logam-logam yang lain seperti tembaga dan sebagainya. Saya diberi faham yang dibelanjakan \$5 juta ini bukannya semua mencari logam ataupun bijih semata-mata, tetapi yang besar adalah bagi mencari telaga air untuk bekalan air, maka dengan itu bertambah kurang untuk menyasiat galian. Tuan Yang di-Pertua, barangkali perkembangan ini akan diberikan kepada pihak swasta untuk melaburkan peruntukan risikonya, sekiranya benar silalah terangkan dasar yang akan dijalankan lebih-lebih lagi tentang koordinasi di antara Kerajaan Pusat yang mengawal pelaburan modal dengan Kerajaan Negeri yang berkuasa dari segi tanah.

Yang keduanya, adalah bagi penyertaan bumiputra dalam bidang ini di mana telah dimaktubkan bagi galakan mengambil bahagian dalam lombong pam berpalong. Mengikut Dasar Ekonomi Baru, bumiputra akan memasuki satu-satu perindustrian itu adalah mengikut satu dasar yang dikatakan kueh yang kembang (expanding cake) tetapi malangnya kueh lombong ini makin kecut. Buktinya, Rancangan Malaysia Kedua di dalam Jadual 2-4, muka 22 dan 23 dalam Buku ini ada tercatat kueh lombong telah kecut 3.4%. Dan jika beginilah cara rancangan Kerajaan untuk membelanjakan bagi perkembangan perlombongan, saya khuatir iaitu kueh ini masih berkecutan dan bagaimanakah Bumiputra yang hendak masuk di dalam perusahaan ini yang dikatakan mengikut Dasar Ekonomi Baru.

Lagi satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, lombong pam berpalong ini adalah satu cara lombong yang mengutip kerak, yakni ditinggalkan oleh kapal korek yang mana tidak disampainya atau ada isi-isi poket yang di bawah. Saya berharap tidaklah rancangan ini diberi kepada bumiputra semata-mata mengutip kerak sahaja dan saya mintalah bumiputra tidak dinafikan mendapat kawasan-kawasan yang agak bukan mengutip kerak dan kawasan baru sebagaimana yang dikatakan dalam para 1085 itu dapat kawasan yang lumayan supaya dapat keuntungan yang kita cita-citakan. Saya suka merayu supaya galakan membuat lombong besar-besaran juga diberikan kerana saya mengetahui tentang jurutera-jurutera telah banyak dilatih bagi bumiputra dan rasa saya tidaklah sayup bagi menjalankan lombong yang besar-besaran dan tidaklah diberikan semata-mata kepada badan-badan berkanun yang seharusnya menggalak dan mendorong bumiputra berkecimpung di dalamnya, bukannya menjadi pertandingan.

Bagi perlombongan lain daripada timah, saya berikan dua contoh juga iaitu bijih besi dan bukan besi. Perkembangan bijih besi sedia maklum telahpun hampir-hampir hilang dan di sini ada pula cuma mempunyai satu pasaran sahaja iaitu dijual kepada Malayawata. Di sini saya dapat ketahui iaitu badan Kerajaan adalah memainkan peranan yang berkuasa di dalam syarikat ini. Maka saya harapkan syarikat ini sepatutnya memperkembangkan atau memajukan kawasan-kawasan perlombongan bijih besi. Saya

faham banyak barangkali faktor yang menyusahkan mereka itu seperti sumber tenaga ataupun barangkali upah pengangkutan yang mahal. Satu rancangan koordinasi hendaklah dicari bagi mengatasi perkara ini dan saya percaya tentu Kerajaan telah berfikir sekiranya gas yang didapati di Pantai Timur nanti akan digunakan bagi melebur bijih besi yang bermutu rendah didapati di negeri-negeri Pantai Timur juga.

Maka logam yang bukan besi pula saya mengucapkan syabas di atas pembukaan Mamut Copper di Sabah cara besar-besaran. Ini patut digalakkan dengan menerangkan dasar yang tepat bagi melaburkan modal dalam galian. Saya percaya Jawatankuasa Kabinet yang ditubuhkan seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu nanti akan mengawasi perkara ini. Pelaburan modal seperti ini sangat besar, saya percaya Mamut Copper sahaja memakan belanja capital yang tidak kurang daripada \$200 juta.

Tuan Yang di-Pertua, modal bagi menjalankan perlombongan sangatlah besar. Bagi pam berpalong tidak kurang daripada \$300,000 satu, satu kapal korek berharga \$25 juta dan lombong seperti Mamut memakan belanja \$200 juta. Maka di sini saya berasa kehilangan daripada manakah modal bagi mengambil bahagian ini untuk bumiputra. Bagi permulaan Kerajaan menyediakan \$200 juta sebagaimana di dalam ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang lalu itu dan nampaknya mengikut jadual yang telah saya perhatikan di dalam buku ini barangkali dengan simpanan bumiputra mendapat \$600 juta.

Saya juga tidak ada modal yang lain daripada yang telah diserukan oleh rakan-rakan yang terdahulu. Berilah tanah lombong yang baik supaya kemudahan kewangan menjadi rebutan bagi bank-bank memberinya. Pada masa ini tidak ada kemudahan kewangan yang disediakan oleh Kerajaan bagi bumiputra mendapat pinjaman meskipun membuat lombong pam berpalong bahkan Bank Pembangunan anjuran Kerajaan sendiri ditengah memberi pinjaman kepada bumiputra untuk perlombongan. Saya tidak menafikan ada satu tabung yang dikatakan Tabung E.M.M.R. tetapi tabung ini adalah mempunyai \$500,000 sahaja dan sebagaimana yang saya tahu baru dua lombong sahaja yang telah diberikan untuk berkecimpung

dalam lapangan ini. Sekarang ini berkehendakkan sekurang-kurangnya \$300,000 satu lombong pam berpalong. Rasa saya ini sangatlah sedikit. Badan-badan berkanun yang seharusnya menolong bumiputra juga saya diberitahu tidak diarahkan bagi menolong bumiputra dari segi kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sebutkan kueh galian bernilai \$6,000 juta dan bumiputra ada kurang daripada 2% sahaja, maka bagaimanakah hendak memasuki sekurang-kurangnya 30% itu?

Di sini saya beralih kepada sumber galian petroliam iaitu minyak. Minyak Arab menukarkan corak Arab di dunia bahkan dengan masa yang singkat kira-kira 10 tahun yang kebelakangan telah menggoncang dunia perindustrian dan yang berlagakkan kepandaian mereka itu tetapi sekarang yang gagah telah datang menyembah lutut orang-orang Arab itu. Maka saya merayu barangkali di sini konsessi-konsessi minyak ini harus diberikan kepada bumiputra, bukannya semata-mata PETRONAS. Saya yakin bumiputra yang diberikan konsessi yang bertakung minyak itu sanggup membayar cukai pendapatan bagi perbelanjaan Kerajaan meskipun dinaikkan cukai. Siapakah yang akan diberi? Almaklum, bumiputra sama-sama bumiputra juga ada berlainan bulu. Maka pada pendapat saya berilah kepada segala koperatif yang kita galakkan supaya banyak yang merasai ataupun kepada bekas-bekas perajurit yang telah dikemukakan di sini. Dengan ini bukan lagi mengambil bahagian dalam perlombongan bahkan dalam segala industri dan mungkin menembus target 30%.

Tuan Yang di-Pertua, satu jenis lagi logam yang hendak saya kemukakan iaitu yang dikatakan "industrial mineral." Di dalam buku ini yang saya nampak bayangannya adalah di dalam para 1080, muka surat 380. Bahan ini termasuklah batu kapur, granite, tanah liat, pasir dan lain-lainnya. Jumlah nilainya mengikut buku itu \$30 juta.

Saya berasa ragu sedikit di atas hal ini bahkan ada sedikit kesal kerana perancangan ini samada jahil di dalam perkara ini ataupun segan bertanya dan tidak dapat dimaafkan sekiranya enggan berfikir! Sumber-sumber ini mungkin mendatangkan perkembangan yang besar oleh kerana ini adalah sumber pembangunan infrastruktur negara

kita. Batu-batu kapur adalah untuk membuat simen, karbait, sumber melebur besi; batu pecahannya untuk membuat bangunan, parit, paip dan bagi menghiasi bangunan pula. Tugu Negara kita adalah dihiasai oleh batu mar-mar. Batu kapur yang ada di Malaysia ini adalah jenis batu mar-mar sungguhpun mutu dari satu pada yang lain barangkali berlainan maka batu-batu yang lain juga yang ada di negara kita sangatlah kaya dengan kecantikan. Tidak ada penyelidikan dan kemajuan yang pesat digalakkan bagi penggunaan dan dipopularkan sehingga menjadi satu bahan eksport yang bukan lagi berharga tetapi yang berkesan dari segi kewangan. Saya ketahui ada industri yang telah diberi taraf perintis di negara ini tetapi belum cukup berkesan lagi dari segi memajukan oleh pihak yang berkuasa. Banyak bangunan dihiasi daripada batu yang diimpot wal hal batu-batu di negara kita sendiri sangat cantik tetapi terbiar. Tanah liat diekspot sebagai tanah liat bukannya sebagai satu bahan logam mineral yang digunakan bagi perindustrian yang complex, bukannya membuat bata. Kita berteriak: gunakanlah papan supaya dapat rumah murah pada hal pasir disepak hari-hari, dibuang mungkin murah lagi bagi membangunkan rumah-rumah yang diminta oleh rakyat pada hari ini.

Saya dipercayakan iaitu pembangunan awam pula termasuk segala infrastruktur pertahanan akan dibelanjakan tidak kurang daripada \$6,000 juta maka pembangunan ini iaitu pembangunan jalan, bangunan-bangunan termasuk infrastruktur pertahanan maka tidak kurang daripada satu pertiga daripada sumber-sumber ini adalah memakai apa yang dikatakan industrial mineral, maka moleklah satu pentadbiran yang kemas bertujuan supaya pihak yang hendak menggunakan dapat bekalan yang murah, senang dan banyak, bukannya saya harapkan bagi diperketat-ketatkan seperti selalu berlaku apabila Kerajaan di dalam pentadbirannya bertindak. Injin implimentasi Kerajaan janganlah hendaknya selalu mengetat-ngetatkan tetapi hendaklah bercorak "development oriented".

Tuan Yang di-Pertua, ada dua lagi perkara galian yang hendak saya kemukakan, iaitu pertamanya tenaga usaha pekerja-pekerja di

dalam galian. Mengikut ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri beliau berkata:

“Dengan berkembangnya sektor moden dalam ekonomi negara dan bertambahnya bilangan tenaga mahir dari kalangan orang-orang Melayu dan bumiputra yang akan keluar dari institusi-institusi pelajaran dan latihan kita, kita akan terus berjaya dalam menggalakkan penyertaan aktif mereka dalam bidang perlombongan, perindustrian dan sebagainya.”

Saya ucapkan tahniah kepada pengarang ucapan itu oleh kerana mengatakan telah ada latihan bagi orang-orang yang akan memasuki perkhidmatan perlombongan, kerana yang saya ketahui tiada kursus bagi perlombongan di mana-mana institusi dalam negara kita ini bahkan jika ada cadangan pun yang telah sudah ini ditolak, sungguhpun barangkali baru-baru ini ada kursus petroliam di Instituti Teknologi Kebangsaan. Sekiranya telah ada kursus ini dengan tidak saya ketahui, saya mengucapkan tahniah dan nyiru ditadahkan.

Bagi perlombongan yang akhirnya iaitu berkenaan dengan Kanun Perlombongan Negara. Yang saya ketahui undang-undang galian yang ada pada masa ini jikalau cukup umur lima tahun Rancangan Malaysia Ketiga ini barangkali telah ada berumur setengah kurun (50 tahun) kalau tidak silap saya tahun 1930 yang dikanunkan, maka ini satu perkara yang patut disambut tinggi supaya dapat koordinasi ini dijalankan.

PEMBORONGAN

Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik telahpun membawa perkara ini dan saya cuma menarik perhatian iaitu jangka nilai yang saya katakan mula-mula tadi lima tahun dalam pemborongan ini kira-kira \$6,000 juta. Di dalam perlombongan \$6,000 juta telah ada yang mempunyainya tetapi \$6,000 juta pembangunan ini adalah cake baru. Jikalau sekiranya cake baru, saya merayu supaya tidak kurang daripada 30% ini hendaklah diberikan dengan “in real terms”. Maksud saya real terms, Tuan Yang di-Pertua, ada yang telah diatur dibenarkan bumiputra dengan bukan bumiputra boleh mengambil bahagian 51-49 dan sebagainya maka peratus ini hendaklah dihitung. Saya telah mengikuti seorang daripada sahabat

saya di sebelah saya itu Ahli Yang Berhormat dari Negri Sembilan ada mengatakan patut kita mencantumkan yang bumiputra dengan yang bukan bumiputra. Kita di sini senang sahaja mengecapkan bumiputra mengamalkan cara yang diistilahkan Ali-Baba itu. Tetapi rasa saya molek kita kahwinkan yang berkhalwat dan di sini kita lihat dan tunjuk ajar dengan sebaik-baiknya kerana bagi bumiputra nampaknya diminta buat silap mata. Apabila diberi pekerjaan ianya berkehendakkan mengeluarkan pekerjaan bumiputra yang mahir dan mengikut jadual yang tertentu, bermakna dicampakkan terus ke dalam kolam dianggap ianya terus boleh berenang. Di sini selain daripada yang saya katakan 30% in real terms mahulah dirancangan, hendaklah diberi masa yang cukup dan tidak tergesa-gesa mengejar masa dan dapat mereka itu melatih dan mengeluarkan pekerja-pekerja bumiputra dalam pembangunan yang mahir.

Satu lagi dalam pemborongan iaitu 90% daripadanya semuanya Kelas F. Di sini satu cara yang memberikan mereka itu kerja hendaklah dijalankan. Saya tidak hendak memanjangkan tentang perumahan kerana telah ada disebutkan. Yang saya hendak sebut di sini ialah perumahan bagi orang-orang Melayu yang berhampiran dengan bandar-bandar seperti tempat saya juga dan rasa saya banyak dikeliling bandar yang lain orang-orang bumiputra dan bukan bumiputra juga yang menjadi setinggah bahawa mereka ini adalah miskin dan berkehendakkan tempat perlindungan. Saya perhatikan di dalam rancangan ini, perumahan adalah ditentukan oleh Kerajaan sebanyak 220,000 unit dan telah ada disiapkan rancangannya tetapi banyak lagi orang-orang kita yang tidak mampu membayar dari segi runcit ini, maka satu cara haruslah diperancangkan supaya dapat mereka itu tempat perlindungan dan juga segala infrastruktur yang cukup, tidak bermakna satu infrastruktur yang standard ataupun nilai yang kita tahu dan yang telah kita terima tetapi mereka itu sanggup duduk di dalam satu cara standard yang rendah hendaklah diberikan bekalan air, jalan masuknya dan saya cadangkan hendaklah ditubuhkan satu task force yang istimewa khusus menunaikan secepat mungkin, bermakna sekiranya mereka itu boleh membuat rancangan kilat, kita juga mestilah mengadakan satu task force yang kilat.

Tuan Yang di-Pertua, rasa saya negara kita ada mempunyai cukup kebolehan: "We have the means, capacity and will to provide for the needs of our people." Dengan penunaian jikalau kita jalankan dapatlah kita memberikan kesenangan kepada rakyat Malaysia dan mengekalkan demokrasi di rantau yang sentiasa diancam oleh pendapat komisaris itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tiada menyentuh dari segi keselamatan dan sebagainya. Ini tidak bermakna saya tidak sedar atau berhati-hati dengan anasir-anasir ini samada anasir yang terang mengusir ketenteraman dan pembangunan kita. Kita sentiasa berterima kasih kepada pihak yang berkenaan lebih-lebih lagi kepada yang terlibat terus kepada pasukan polis dan tentera kita. Saya doakan mereka itu tabah dan saya memberikan pengakuan sentiasa berada untuk membantu mereka itu jika perlu. Bagi yang gelap pula seperti pengedar dadah, yang merusakkan moral muda-mudi kita saya merayu kepada pihak yang berkuasa mengambil tindakan yang sekeras-kerasnya terhadap anasir ini. Ini adalah satu helah mereka itu melemahkan jenerasi yang akan datang. Tidak payah saya ulangi rayuan yang telah dibuat. Ini patut diawasi kerana takut 20 atau 30 tahun ke hadapan kita mempunyai satu umat yang lemah kerana dadah.

Di dalam Rancangan ini adalah menerangkan garis kasar bagi pendidikan dan kemajuan belia dalam Buku Hijau ini, iaitu kemajuan belia dan beliawanis, tetapi saya suka sekiranya adakan satu rancangan yang tertentu peruntukan yang mencukupi bagi latihan ketua-ketua belia oleh kerana kekurangan ketua, maka belia kita tidak ada haluan yang dapat diikuti oleh mereka itu. Dengan ini agar dapat kita menubuhkan satu masyarakat yang sihat badan dan fikiran ke hadapan ini.

Sekianlah sahaja dan dengan ini menyokong Rancangan Malaysia Ketiga yang termaktub dalam Buku Hijau ini. (*Tepuk*).

4.43 ptg.

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita pada hari kelmari. Kita telahpun mendengar dengan penuh minat dan puas hati ucapan

yang dilafazkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan Rakyat ketika beliau membentangkan Rancangan Malaysia Ketiga yang komprehensif dan yang dirancang dengan baik. Sekali lagi di Dewan yang mulia ini, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah membentangkan Rancangan tersebut dengan begitu efektifnya untuk memperolehi komen-komen dan cadangan-cadangan kita. Kita berasa amat besar hati dan menyampaikan ucapan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan juga rakan-rakannya di dalam Kabinet kerana mereka telah begitu susah-payah merancang suatu Rancangan yang "workable" dan menyeluruh. Kita berdoa agar Rancangan ini akan mencapai objektif-objektifnya itu yang dirancang untuk lima tahun yang akan datang dan adalah harapan saya bahawa setiap warganegara, baik di peringkat atasan atau bawahan akan memainkan peranannya untuk menjayakan rancangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya minta izin berucap sedikit di dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Boleh, tetapi sedikit sahaja.

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

(*Dengan izin*) In this connection, I would like to touch on a few points which I hope the Government will take into consideration when the implementation of the Plan gains momentum.

First of all, I would like to bring to the notice of the Government the plight of the thousands of labourers employed on the estates. No one can deny that these people had been and are still the backbone of our country's economy. They are making a big sacrifice with poor income and living conditions for the sake of the progress of the country. But the most pitiful part of it is that when a labourer reaches the age of 55, he has to retire and out of the estate he goes. Where is he going to go to, Tuan Yang di-Pertua? He was born in this country, most probably in the same estate; he grew up there; he worked there; now you are asking him to get out of it. He knows no other place in his life but the estate itself and now has to leave it with all his cherished memories haunting him throughout the remainder of his life. With a

little bit of money he may probably get by way of the Employees Provident Fund or gratuity, how is he going to face his future? How long can he sustain on that small amount? Here is where I would call upon the Government to render assistance. The Government should formulate regulations whereby managements of the estates should be required to set aside a portion of the land for allocation to those labourers who would like to continue living on the estates after retirement. The land should be reasonably developed for them and initial assistance be given to them to enable them erect their own living accommodation. From then onwards, they would be able to fend for themselves by rearing cattle, planting vegetables, etc. in their garden. Ultimately their efforts will benefit the whole estate and also our Bapa Pembangunan's Green Book Plan would have achieved a certain amount of success.

Dalam jawapannya kepada Pertanyaan Mulut saya pada hari kelmarin, Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat telah menyatakan keadaan kediaman pekerja-pekerja di ladang-ladang getah telah pun nampak baik. Walaupun saya setuju dengan pendapat Timbalan Menteri berkenaan bahawa keadaan kediaman di beberapa ladang-ladang telah bertambah baik jika dibandingkan dengan masa penjajah, tetapi saya tidak dapat bersetuju dengan pendapat beliau kerana kebanyakan keadaan rumah-rumah di ladang-ladang masih belum bertambah baik. Saya boleh memberi Timbalan Menteri berkenaan contoh ladang-ladang di mana keadaan tempat kediaman pekerja-pekerja masih belum lagi berubah tetapi saya tidak berhasrat berbuat demikian.

Ingin saya nyatakan di sini saya adalah anak kepada seorang pekerja ladang dan saya telah menghabiskan masa di ladang-ladang untuk beberapa ketika. Saya telah pun membuat beberapa lawatan ke ladang-ladang dan saya dapat menyatakan di sini keadaan di beberapa ladang-ladang masih tidak berubah sejak kemerdekaan. Saya ingin mempertanyakan di sini satu contoh sesuatu keluarga yang mempunyai sepuluh orang terpaksa bermalam di dalam sebuah bilik tidur kerana rumah yang disediakan itu hanya mempunyai sebuah bilik dan dapur. Tuan Yang di-Pertua, kita dapat menyimpulkan bagaimana anggota-anggota sesuatu keluarga itu tidur tanpa "privacy".

Adalah satu hakikat yang tidak boleh dinafikan bahawa pekerja-pekerja ladang, petani-petani dan lain-lain pekerja luar bandar merupakan tulang belakang negara kita dan mereka memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan negara dan dalam usaha memperbaiki ekonomi negara.

Oleh yang demikian, sungutan-sungutan pekerja-pekerja ladang harus diberi keutamaan yang sewajarnya oleh Kerajaan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Saya dengan ini meminta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat untuk memerhatikan perkara ini secara personal dan mengambil tindakan yang sewajarnya supaya menentukan pekerja-pekerja di dalam ladang-ladang diperuntukkan tempat kediaman yang berpatutan dan moden.

Tuan Yang di-Pertua, next I would like to touch on education. It is heartening to note that our country has made vast strides in the field of education. We are, to a very large extent, able to manage the affairs of our country in all fields of science and technology with the help of those educated locally. At the same time, when we are enjoying the end-results, we tend to forget those at the grass-root level. It is so when we look at the poor conditions of most of the schools in the estates at present. Many such schools do not even have a proper roof over them and when it rains the children have to run elsewhere for shelter! What an ironic situation this is, Tuan Yang di-Pertua. It looks as though the estate managements and our Education Department are having a tussle over who is to maintain the estate school buildings. In this tussle, the poor innocent children get caught and are deprived of the basic necessities for a good foundation in their education. I, therefore, call upon the Ministry of Education to look into this matter and put right the deteriorating conditions of our estate schools.

Among the many ways in which we can try to bring about a spirit of "oneness" is the feeling in oneself that he is also a citizen of the country and he has duties and obligations to the country. He must feel that he is wanted among others to build up our nation. He must have a feeling of "sacrifice" for the well-being of his neighbour. This is what we say, "Love thy neighbour as thyself". The people

with their business acumen and wealth must share their experience, knowledgeability and wealth with our upcoming Bumiputra brethren. This is one of the most important ways of blending the various communities and races into one nation and one people.

But, unfortunately, we still find people refusing to listen to reason and this has created a feeling of "left-out" among certain sections of our people. I would emphasise that there is this feeling among the Malaysians of Indian origin. As regards employment opportunities, in many industries that have already been set up and those that are newly being set up, the ratio of Indian labour is far from satisfactory. It is unfortunate that it is not realised that the Malaysians of Indian origin must also have a stake in the development of this country. I hope the National Unity Board and the Ministry of Labour will look into this situation and take appropriate action wherever it so warrants.

Tuan Yang di-Pertua, one also wonders why Indians are so "scanty" in the Armed Forces and the Police. There again, they should be given opportunity to prove their loyalty to our beloved country by being prepared to lay down their lives for its defence against internal and external anti-Government and anti-national elements.

No one can deny, and even our former Prime Ministers, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Al-Haj and the late Y.A.B. Tun Haji Abdul Razak have asserted that the Malaysian Indians have played a major role in the development of the country. I am quite positive that given a chance they will prove that they can be depended upon as loyal citizens who would lay down their lives for the sake of their beloved country.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya tidak mahu disalah anggap sebagai seorang racist. Tetapi saya rasa ini adalah satu keadaan yang kita harus menghadapi dengan penuh kejujuran dan keberanian. Rancangan Lima Tahun ini telah bersedia untuk menyambung proses menyusun semula keadaan ekonomi kita yang tidak seimbang di antara rakyat kita tanpa mengira kaum, warna atau kepercayaan agama. Adalah penting bagi kita untuk mewujudkan perasaan "persamaan" (oneness) di kalangan rakyat kita. Dan setelah kita mencapai

matlamat ini kita tidak perlu membimbangkan atau mengesyaki kesetiaan dan dedikasi rakyat kita. Negara ini adalah kepunyaan mereka dan negara inilah tanahair mereka. Mereka akan mengorbankan nyawa mereka untuk mempertahankan kediaman-kediaman, isteri-isteri, anak-anak mereka daripada musuh-musuh kita, baik di luar negeri ataupun di dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dengan kepemimpinan berdedikasi yang ujud sekarang ini, Rancangan ini akan mencapai kejayaan cemerlang dalam mendatangkan kemewahan dan keamanan yang lebih kepada rakyat dan juga negara kita, dan negara kita akan menjadi contoh tauladan bagi negara-negara lain yang sedang membangun. Let us, therefore, put our right foot forward and never look back.

Saya menyokong dengan penuhnya Rancangan Malaysia Ketiga ini dan saya berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya bercakap atas usul ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempatkan selama 15 minit.

Persidangan ditempatkan pada pukul 5.00 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.18 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

5.18 ptg.

Puan Zawiah binti Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut sama dalam membahaskan usul mengenai Rancangan Malaysia Ketiga ini. Mengikut Buku Hijau, Rancangan Malaysia Ketiga dilancar merupakan peringkat kedua pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat mengikut fungsi-fungsi ekonomi.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan kerana dapat melaksanakan Rancangan Malaysia Kedua. Sungguhpun kita telah banyak mencapai kemajuan dalam Rancangan Malaysia Kedua

terhadap pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru, saya dapati kemiskinan dan pengangguran masih berleluasa di kawasan luar bandar dan juga di bandar. Jurang ekonomi di antara kaum masih jauh ketinggalan di belakang. Dalam melaksanakan sesuatu rancangan yang besar seperti ini sudah tentu ada yang mendapat kejayaan dan juga ada yang gagal. Dalam Rancangan Malaysia Kedua banyak kegagalan yang telah didapati. Satu-satu projek yang besar yang dibuat di sesebuah negeri diserahkan bulat-bulat kepada sesebuah negeri dengan tidak menghantar pakar-pakar yang begitu mahir bagi menjalankan satu-satu projek. Segala projek yang dilaksanakan tidak diawasi dengan betul, diharapkan kepada pegawai, dan kakitangannya sahaja. Pihak Menteri-menteri pula kurang membuat lawatan, hanya mendengar taklimat sahaja di bilik-bilik gerakan telah pun memberi puas hati tetapi kejayaan yang sebenarnya belum didapati samada betul atau tidak. Apa yang saya harap sesuatu rancangan dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga ini hendaklah diawasi betul, Menteri-menteri dan Menteri Besar hendaklah melawat sendiri satu-satu rancangan, kalaulah boleh lawatan mengejut hendaklah dibuat, jangan hanya mendengar taklimat di bilik gerakan sahaja sebagaimana yang saya sebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang mencapai matlamat 30% penyertaan bumiputra dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Apa yang saya nampak pada masa sekarang bumiputra di luar bandar terutama di negeri Trengganu, sudah begitu ramai yang berminat menceburkan diri dalam lapangan perniagaan secara kecil-kecil, tetapi mereka ini telah menempuh beberapa masaalah iaitu kemudahan tempat menjalankan perniagaan, mereka hanya menjalankan perniagaan di pasar-pasar, di jalan-jalan dan juga di kaki-kaki lima sahaja. Kalaulah ada badan-badan ataupun agensi Kerajaan seperti UDA, MARA, dan lain-lain mengadakan kemudahan, maka saya rasa, saya percaya lebih ramai lagi kaum bumiputra dapat menyertai dalam bidang ini.

Selain daripada itu, kemudahan pinjaman dari bank atau agensi Kerajaan seperti MARA, bermacam-macam kertas kerja dan syarat-syarat yang dikenakan. Bagi pinjaman bank, kemudahan adalah mudah diberi

hanya kepada orang-orang yang tertentu sahaja. Saya tidak tahu apakah peranan yang dimainkan mengenai pinjaman MARA kepada peniaga kecil yang membuat pinjaman \$2 ribu-\$3 ribu. Satu-satu permohonan memakan masa yang begitu panjang hingga 5-6 bulan barulah permohonan itu diluluskan tetapi pembayaran pula memakan masa 5-6 bulan pula. Pendek kata, memakan masa setahun barulah dapat, tetapi yang pandai main satu-dua bulan boleh dapat. Jadi, perkara seumpama ini hendaklah diselidiki mengapa dan kenapa berlaku demikian. Untuk mengelakkan penyelewengan berlaku bagi mencapai matlamat 30% penyertaan bumiputra di bidang perdagangan dan perindustrian, saya syorkan kepada Kerajaan patutlah menubuhkan satu badan pengawas dan badan itu hendaklah bertindak jika penyelewengan berlaku supaya matlamat itu tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kadar kemiskinan adalah paling tinggi di kalangan orang Melayu kita, terutama penduduk di luar bandar dan juga yang jauh di pedalaman, pihak Kerajaan hendaklah mengambil perhatian penuh dan melipatgandakan usaha dengan memberikan kemudahan terutama dalam bidang pertanian dengan membanyakkan lagi taliair dengan membuka lebih banyak lagi kawasan-kawasan pertanian dan memberi kemudahan baja kepada petani-petani serta mengawasi tanaman mereka itu daripada diserang oleh penyakit.

Faktor yang penting bagi mengurangkan kemiskinan orang Melayu di luar bandar dan di pedalaman ialah kemudahan perhubungan dari kampung-kampung mereka ke pusat-pusat bandar. Banyak terdapat kampung-kampung yang tidak ada mempunyai jalanraya, kalau ada pun jalanraya hanya tanah merah sahaja, itupun kepunyaan syarikat pembalok sahaja dan mereka cuma dapat menggunakan dalam masa dua-tiga bulan sahaja dalam setahun akibat hujan. Saya harap dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini Kerajaan mestilah lebih banyak mengadakan jalanraya supaya hasil penat-lelah mereka dapat pula dibawa keluar.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi mengenai bantuan biasiswa kecil pada murid-murid sekolah yang dilaksanakan pada hari ini patut dikaji semula. Bantuan yang diberi adalah sangat kecil memandangkan kepada

keadaan sekarang. Begitu juga tentang pemahagian biasiswa tidaklah begitu adil, banyak murid yang miskin daripada luar bandar yang tidak mendapat biasiswa dan juga kemudahan tempat tinggal. Apa yang saya harapkan, perkara ini hendaklah diatasi lagi mengisi mutu pelajaran mereka dalam rancangan raksaksa ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang patut saya bangkitkan di sini dalam membahaskan Usul Rancangan Malaysia Ketiga ialah masalah yang dihadapi oleh peserta dalam rancangan FELDA. Mereka selalu bersungut tentang harga kelapa sawit yang tidak sama di antara satu rancangan dengan rancangan yang lain. Samada betul atau tidak, saya belum pasti, tetapi saya tidak nampak kenapa dan mengapa perkara itu boleh berlaku dan saya harap dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga kelak perkara ini akan diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan. Di dalam hubungan ini juga memandangkan kepada pendapatan peneroka di rancangan FELDA yang dalam setahun hanya enam bulan sahaja pendapatannya lebih sedikit, tetapi dalam masa enam bulan lagi itu hasilnya sangat merosot, tiap peneroka hanya menerima \$150 sahaja. Jadi, pada masa buah kelapa sawit merosot, peserta-peserta akan keluar berulang alik ke tempat lain untuk mencari pekerjaan yang boleh menambah mata pencarian atau pendapatan yang begitu rendah. Bagi peneroka yang mempunyai banyak sudah tentu akan menghadapi kesulitan, tetapi perkara seumpama ini menimbulkan berbagai kesulitan dalam rancangan tersebut. Ada yang diberi amaran untuk dipecat dari menjadi peserta dalam rancangan ini. Dengan ini, saya berharap kepada pihak Kementerian akan mengambil perhatian berat lebih-lebih lagi dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga supaya setiap rancangan itu dapat berjalan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat ini sahaja ucapan saya dan saya menyokong penuh Usul Rancangan Malaysia Ketiga ini.

5.30 ptg.

Tuan V. V. Aboo: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya berucap, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri kerana melantik saya sebagai Senator.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan di atas Pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga, dan saya menyokong penuh atas dasar yang akan dijalankan.

Pada pendapat saya, usaha Kerajaan dalam menyediakan Rancangan ini telah dengan tegasnya menunjukkan hasrat Kerajaan dalam proses pembangunan ekonomi kita untuk membawa kepada semua rakyat Malaysia kehidupan yang lebih memuaskan dan makmur, lebih-lebih lagi, pelaksanaan Rancangan ini akan mengukuhkan perpaduan negara Malaysia kita dan menolong dalam mempertahankan keselamatan negara kita daripada ancaman anasir-anasir komunis dan sabversif.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kemiskinan yang rakyat kita hadapi adalah begitu besar, dan proses membahagi kepada semua rakyat peluang yang sama dalam segala bidang begitu rumit. Kita mesti menentukan bahawa Rancangan Malaysia Ketiga ini dapat dilaksanakan dengan sepenuh-penuhnya. Dalam hal ini, saya mengalu-alukan keterangan dan jaminan yang diberi untuk membesarkan lagi pelaburan modal oleh sektor swasta. Sesungguhnya, tujuan Rancangan ini tidak boleh dicapai jika sektor swasta kita tidak diberi peluang yang besar dan jika Kerajaan tidak dapat menjamin kerjasama yang erat daripada sektor swasta ini. Dalam masa-masa yang dahulu, adalah nyata bahawa implemintasi dasar Kerajaan mengenai sektor swasta ini tidaklah begitu terang atau menggalakkan.

Dalam sektor swasta ini, saya harap Kerajaan akan memberi galakan yang sama kepada rakyat Malaysia dari semua kaum, seperti diberikan kepada pelaburan asing, kita hendaklah menentukan bahawa matlamat 20 tahun kita untuk rakyat Malaysia mempunyai 70 peratus saham-saham syarikat-syarikat di Malaysia boleh dicapai dan dalam 70 peratus ini, semua rakyat Malaysia akan mempunyai bahagian yang berpatutan. Permodalan Bumiputra hendaklah digalakkan dengan sungguh-sungguh. Tetapi, pada masa ini nyatalah bahawa permodalan rakyat Malaysia keturunan India tidak mencukupi. Langkah-langkah Kerajaan untuk menggalakkan permodalan Malaysia keturunan India tidak cukup pada masa ini. Saya cadangkan bahawa badan-badan

seperti PERNAS, UDA dan lain-lain badan mestilah diberi arahan untuk mengambil berat dalam perkara ini juga. Syarikat kerjasama seperti NESA dan lain-lain yang dipunyai oleh rakyat Malaysia keturunan India mesti juga diberi pertolongan untuk menguatkan lagi kebolehan dalam perkara ini.

Dua perkara yang juga mustahak untuk membasmi kemiskinan di kalangan rakyat kita, tidak kira keturunan atau kawasan ialah pembangunan tanah dan pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketiga bertujuan untuk menempatkan seramai 60,000 keluarga dalam Rancangan FELDA dan membukakan seluas 1 juta ekar tanah pada seluruhnya. Rancangan tanah ini adalah mustahak untuk mengurangkan kemiskinan di kalangan rakyat, khasnya yang duduk di luar bandar. Rancangan tanah ini juga akan dapat, dengan pesatnya, meninggikan pendapatan keluarga-keluarga ini dan memajukan mutu kehidupan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rancangan tanah ini, adalah mustahak untuk menentukan bahawa rakyat dari semua keturunan dapat mengambil bahagian dalam peluang-peluang keemasan ini. Rancangan Malaysia telah menyatakan bahawa lebih kurang 30 peratus dari keluarga-keluarga yang miskin di luar bandar terdiri daripada kaum yang bukan bumiputra, walhal 70% terdiri daripada kaum bumiputra. Saya mengalu-alukan dasar yang disebutkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga (para 580) bahawa semua kaum akan diambil sebagai peserta dalam rancangan-rancangan tanah ini. Saya harap Kerajaan Persekutuan akan mengarahkan dan memberi panduan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dalam perkara ini. Jika dasar ini tidak diikuti oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, tidak ada jua hasil yang boleh dinikmati oleh rakyat bukan bumiputra seperti masa-masa yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pekerjaan, saya menyambut baik usaha untuk membuka sebanyak 743,000 peluang kerja untuk rakyat kita. Hendaklah ditentukan bahawa perhatian khas ditumpukan kepada kedudukan pengangguran (unemployment) rakyat keturunan India. Pengangguran mereka telah naik ke 12.2% daripada 7% sepuluh tahun dahulu. Peluang pekerjaan hendaklah dibuka

untuk rakyat Malaysia keturunan India dalam sektor perusahaan dan perdagangan di semua peringkat. Pada masa yang dahulu kebanyakan orang India telah diambil bekerja sebagai buruh kasar sahaja. Di kebanyakan tempat seperti bank dan pejabat-pejabat yang lain tidak ada siapa pun diambil untuk bekerja pada 3 atau 4 tahun yang lepas. Saya harap juga perjanjian di paragraph 581 bahawa lebih lagi pemudapemudi India di Jabatan-jabatan dan badan-badan Kerajaan akan juga dijalankan dengan serta-merta, khasnya di Jabatan Pelajaran, Kesihatan dan lain-lain.

Mengenai pekerjaan juga, ramai orang menghadapi beberapa masalah mendapat pekerjaan oleh kerana kelambatan dalam pengeluaran Sijil Kewarganegaraan mereka. Ada ramai orang yang telahpun dilahirkan di Malaysia juga (Borang E) dan telah memohon untuk mendapat kerakyatan telah tidak dapat apa jua jawapan selama 3 atau 4 tahun. Dengan itu usaha mereka mencari kerja pun terganggu. Pemohon-pemohon yang menggunakan Borang G, iaitu orang yang dilahirkan di luar negeri atau tidak mempunyai Sijil Beranak, menghadapi kesusahan yang sangat sulit sekali. Nampaknya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menolak permohonan mereka dengan tutup mata sahaja. Kementerian itu tidak menggunakan discretion yang ada dalam perkara ini dan pandang simpati kepada kedudukan keluarga-keluarga ini apabila permohonan mereka ditolak. Bila permohonan diluluskan, akan memakan masa yang panjang. Kelambatan dan tindakan seperti ini tidak akan menimbulkan perasaan muhibbah atau sokongan kepada Kerajaan dan menjauhkan perasaan rakyat kita daripada pemimpin-pemimpin dan Kerajaan kita.

Saya harap Kementerian yang berkenaan dapat mengambil perhatian yang serious kepada kedudukan ini.

5.42 ptg.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan sebanyak terima kasih di atas peluang yang diberi kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbincangan Rancangan Malaysia Ketiga yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kelmarin.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketiga ini adalah lanjutan daripada Rancangan Malaysia Kedua dahulu yang telah mendapat persetujuan semua rakyat yang taat dan setia kepada negara ini. Rancangan Malaysia Ketiga ini pula, telah disusun begitu rupa cukup lengkap dan saya percaya akan mendatangkan keadilan antara negeri-negeri di Malaysia ini, kerana telah ditentukan pembahagiannya dan juga peruntukan-peruntukan kepada negeri-negeri yang kurang maju dan membolehkan negeri-negeri itu melipatgandakan kemajuan di negerinya masing-masing. Saya bagi pihak Negeri Kelantan, sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan atas cadangan-cadangan yang terkandung di dalam buku Rancangan Malaysia Ketiga yang sedang kita bincangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang peranan membina masyarakat dan negara ini supaya berada dalam keadaan bersatu-padu, aman dan makmur, maka kita tidak boleh lari daripada pembangunan moral, kerana kalau moral sudah rosak biar pun anggota-anggotanya kaya-kaya dan berpendidikan tinggi, tetapi masyarakat itu akan berpecah-belah, huru-hara kerana moralnya telah rosak. Kerosakan moral ini perlulah diubati dan segala-gala unsur yang boleh merosakkannya hendaklah juga dikikis-hapuskan dan disusuli pula dengan ubat-ubat yang boleh membaikinya. Unsur-unsur penyakit moral ini banyak, Tuan Yang di-Pertua, di antaranya yang paling banyak bahayanya ialah unsur-unsur yang boleh didapati di luar rumah, terutamanya di perhimpunan-perhimpunan ramai seperti di kelab-kelab malam, kedai-kedai arak, rumah-rumah berjudi yang semuanya ini sangat merosakkan moral masyarakat dalam negara kita. Bercakap semuanya mahu baik samada Yang Berhormat Menteri-menteri, Wakil-wakil Rakyat, pemimpin-pemimpin negara dan sebagainya, tetapi kalau betul-betul mahukan keamanan dan kemakmuran serta keharmonian masyarakat kita, tutup sahaja kelab-kelab malam itu, rumah-rumah urut, kedai-kedai arak dan tempat-tempat perjudian. Jangan jadikan alasan kerana hendak menarik pelancong-pelancong dari luar negeri kerana kononnya dengan rancangan-rancangan seperti itu boleh mendatangkan punca kewangan kepada negara. Buat apa wang sahaja kalau dalamnya mengandungi

unsur-unsur penyakit moral yang boleh menghancurkan-leburkan masyarakat kita? Mana lebih baik, kita dapat wang dari pelancungan tetapi masyarakat negara kita purak-puranda? Saya tidak menafikan, Tuan Yang di-Pertua, perusahaan pelancungan itu boleh mendatangkan pekerjaan kepada beberapa kerat rakyat negara kita ini, tetapi sebahagian besar masyarakat kita terdedah kepada kerosakan moral yang akibatnya akan merosakkan rumah tangga masyarakat negara ini. Saya tidak menafikan bahaya dadah kepada moral masyarakat kita, terutama kaum belia, tetapi tempat-tempat perjudian, kedai-kedai arak dan kelab-kelab malam serta rumah-rumah urut itu tidak kurang bahayanya yang perlu dihapuskan, kalau benar-benar Kerajaan menghendaki pembangunan moral dan keadaan masyarakat bertambah baik dan betul-betul aman dan tenteram dalam negara kita ini.

Selain daripada itu, bibit-bibit penyakit moral yang ditinggalkan oleh penjajah juga masih terdapat dalam masyarakat kita, terutama dalam majlis-majlis jamuan rasmi Kerajaan, selain daripada adat minum ucap selamat (toast) yang telah ditegur oleh saudara saya Yang Berhormat Senator Datuk Syed Hassan Aidid semalam, maka dalam jamuan-jamuan seperti ini juga kita dapati susunan tempat duduk yang sengaja diatur berselang-seli di antara kaum lelaki dengan perempuan, lebih-lebih lagi si isteri "A" bersekedudukan dengan suami si "B" dan isteri si "B" bersekedudukan pula dengan suami si "A". Cara ini betul-betul, mengikut cara bertukar isteri dan suami dalam majlis-majlis keraian yang pernah dilakukan oleh orang-orang barat dahulu. Keadaan ini pernah berlaku di majlis makan di Dewan Parlimen ini sendiri. Apakah keadaan ini tidak boleh kita ubah supaya kerusi-kerusi untuk perempuan diletakkan di sebelah barisan, manakala yang lelaki di barisan yang lain atau si isteri duduk bersama-sama dengan suaminya masing-masing? Itu bukannya lebih sopan dan sesuai dengan kebudayaan kita sendiri. Apa cacatnya, kalau diubah-suaikan cara barat itu kepada cara kita sendiri yang lebih sopan.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketiga ini tidak akan berjaya sekiranya penyakit-penyakit moral di kalangan masyarakat kita ini tidak dibasmi. Dengan sebab itu, selain daripada

Kerajaan mesti memerangi unsur-unsur yang menghancurkan moral rakyat negara ini, Kerajaan juga hendaklah mengadakan dan menggalakkan penubuhan institusi-institusi dakwah yang boleh membantu membaiki moral masyarakat melalui tenaga-tenaga dakwahnya yang sangat berkesan dikalangan masyarakat luar bandar kita. Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, Yayasan Dakwah yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan itu tidak mencukupi dengan tenaga ahlinya yang ada dan kewangannya yang diperuntukkan itu. Yang demikian, saya syorkan supaya kewangan yaysan tersebut dapat ditambah supaya pegawai-pegawainya dapat dibanyakkan dan bantuan kepada badan-badan sukarela yang lain dapat disalurkan menyeluruh kegiatan dakwah itu kepada semua golongan masyarakat dalam tanahair kita. Kepada tenaga-tenaga dakwah pula janganlah ada goiongan menyalah-anggapkan, jangan menuduh mereka sebagai propaganda kominis kerana mereka inilah alat yang sebenar menentang kominis dan mereka inilah alat yang sebenar menegakkan keyakinan masyarakatnya kepada Tuhan dan juga kepada pemerintahan negara ini.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan juga perlu menitikberatkan bidang dakwah ini melalui Radio dan Talivisyennya serta Jabatan-jabatan Penerangan di seluruh negara ini, tidak semata-mata melalui syarahan-syarahan dan forum-forum sahaja. Pertunjukkan-pertunjukkan pentas dan lakunan-lakunan derama yang berunsurkan dakwah agama Islam perlulah diadakan juga. Selain daripada Kementerian Penerangan, Kementerian Pelajaran juga perlu mengadakan tambahan mata-pelajaran dan kursus-kursus agama di sekolah-sekolah rendah, menengah dan tinggi supaya didikan moral yang tinggi dapat diterapkan kepada jenerasi muda kita yang akan menggantikan kita pada masa yang akan datang kelak. Semuanya ini akan mengukuhkan keyakinan rakyat terhadap pimpinan negara ini dan dapat menentang ancaman kominis, baik dari segi peperangan senjata mahupun dari segi peperangan ideoloji.

Tuan Yang di-Pertua, setelah pelaksanaan pembangunan moral ini kita lakukan sewajarnya maka pembangunan ekonomi juga perlulah dilaksanakan sesuai dengan cadangan Kerajaan sebagaimana tercatat dalam buku Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh pembangunan ekonomi dalam negara kita ini satu masaalah yang masih belum dapat diatasi lagi ialah kemiskinan berada di kalangan sebahagian besar rakyat negara ini. Begitu juga sebahagian negeri di dalam Malaysia kita yang dikasihi ini berada dalam keadaan yang kurang bernasib baik dan kurang maju. Maka pada dasarnya kita tidak patut sama sekali merampas atau menyekat hak-hak golongan yang bernasib baik dan maju serta kaya tetapi bantuan, pertolongan dan kemudahan-kemudahan serta bimbingan hendaklah dilebihkan kepada yang kurang maju dan kurang bernasib baik itu supaya mereka yang ketinggalan itu dapat mengejar saudara-saudaranya yang telah lebih maju itu.

Bagi negeri-negeri yang kurang maju seperti Kelantan, Tuan Yang di-Pertua, telah beberapa kali saya kemukakan dan saudara-saudara saya yang lain dari negeri Kelantan juga telah mengemukakan iaitu kemudahan-kemudahan asas (infrastructure) yang perlu diutamakan di sana seperti pembinaan jalan-jalanraya, pembekalan air dan api, pelabuhan-pelabuhan perkapalan untuk pendaratan ikan bagi nelayan-nelayan pantai perlulah diadakan segera. Saya tidak menafikan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini memang telah ada di antaranya yang dicadangkan pembinaannya, tetapi banyak lagi yang perlu dicadang dan dilaksanakan kerana kawasan pendalamannya masih banyak didapati belum terbuka di Kelantan. Di kawasan-kawasan pendalaman yang belum terbuka dan masih berkeadaan hutan belantara itulah menjadi sarang-sarang penganas kominis. Cadangan mudah dibuat di atas kertas tetapi perlaksanaannya belum tentu berjaya atau tidak kerana perlaksanaannya adalah bergantung kepada kemampuan kewangan dan tenaga-tenaga pelaksanaannya.

Dengan kerana ketiadaan kemudahan-kemudahan asas tadi, Tuan Yang di-Pertua, perkembangan dan pertumbuhan industri di Kelantan amat mendukacitakan. Sebagai contoh, kawasan perindustrian yang telah diumumkan di Lundang dan Pengkalan Chepa di daerah Kota Bharu hingga hari ini masih banyak yang belum di penuhi kerana pemodal-pemodal tidak begitu tertarik, apatah lagi di luar bandar dan kawasan-kawasan pendalaman makin tidak menarik

pemodal-pemodal ke sana. Cara mengatasinya, infrastructure itu perlulah diutamakan dalam pelaksanaannya, jangan tinggal setakat cadangan semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, tentang rakyat negeri Kelantan, kita tidak usah bimbang. Mereka memang terkenal rajin dan sanggup menyambut cabaran pembangunan dari Kerajaan. Tanpa jalanraya dan alat-alat kemudahan jentera, mereka boleh membuka tanah dengan tulang empat kerat untuk menaikkan taraf ekonomi mereka, tetapi hasil tanaman mereka di pendalaman sana tidak dapat dikeluarkan kerana jalanraya yang sempurna tidak ada. Anak-anak mereka tidak dapat belajar kerana tidak ada sekolah-sekolah. Kesihatan mereka terancam kerana ketiadaan sistem perubatan yang memuaskan. Kawasan-kawasan pendalaman seperti ini banyak terdapat di sana terutama di kawasan Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, untuk melaksanakan projek-projek pembangunan yang begitu banyak, kita memerlukan tenaga pegawai yang cukup dan bertanggungjawab serta berdidikasi. Kerajaan sendiri telah menyedari akan hal ini melalui kenyataan Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri kita sendiri baru-baru ini. Maka saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya menambah pegawai-pegawai terutama pegawai-pegawai professional kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan agensi-agensi Kerajaan samada dengan cara terus, cara pinjaman ataupun meluluskan pihak-pihak yang berkenaan menambah pegawai-pegawai mereka tanpa sekatan demi untuk kelancaran pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Satu lagi cara menyejajarkan pelaksanaan-nya, Tuan Yang di-Pertua, ialah dengan cara memberi kontrak kerja sesuatu projek pembangunan itu, tidak dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya sahaja, kerana kita tahu bahawa Jabatan Kerja Raya kekurangan tenaga pegawai dan kakitangan menyebabkan kerja-kerjanya terlambat. Contohnya, kerja pembinaan jalan Lebuhraya Timur-Barat masih jauh daripada siap. Saya dapati pekerja-pekerja di sana telah terkena penyakit takut kepada keganasan kominis hingga tiap-tiap hari kalau kawasan pekerjaannya tidak dironda oleh Pasukan Tentera kita lebih dahulu, mereka tidak akan

mula keluar bekerja, kononnya takut kepada bom perangkap kominis. Adakah ini sebenarnya mereka takut atau pura-pura buat takut supaya mereka tidak payah kerja banyak? Saya tidak tahulah, Tuan Yang di-Pertua, tetapi itulah keadaannya yang berlaku di lebuhraya. Jadi bagaimanalah projek itu dapat dipercepatkan kalau begini caranya pekerja-pekerja lebuhraya itu. Kominis memang sengaja hendak melambat-lambatkan siapnya kerja tersebut, sebab lebuhraya itu akan menjadi benteng menyekat gerakan keganasan mereka bila projek tersebut siap nanti. Apa salahnya projek tersebut diberi kontrak?

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh pelaksanaan kerja-kerja dengan cara kontrak keutamaan hendaklah diberi kepada pemborong-pemborong bumiputra. Ramai saudara-saudara saya telah menyuarakan hasrat ini tetapi dalam kerja-kerja kontrak yang besar-besar selalunya bumiputra tidak mampu mengambilnya. Dengan sebab itu, saya syorkan kerja-kerja kontrak ini hendaklah dipecah-pecahkan supaya membolehkan pemborong-pemborong bumiputra ini menjalankannya, kalau sekiranya difikirkan tidak ada pemborong bumiputra yang mampu mengerjakan sesuatu projek yang besar itu. Kalau Kerajaan memberi kontrak satu-satu projek yang besar itu tanpa dipecahkan lebih dahulu pun kebanyakan pemborong-pemborong pertama itu memberi borong kedua (sub-contract) pula kepada pemborong-pemborong lain secara pecahan juga, tetapi pecahan kontrak yang begini selalunya tidak ada keutamaan kepada bumiputra, kerana terpulang kepada tilik-pandang pemborong yang pertama tadi menentukannya dan sudah tentu pemborong yang pertama itu mendapat keuntungan lebih dahulu. Jadi daripada kerja-kerja kontrak yang dipecah-pecahkan oleh pemborong besar yang bukan bumiputra itu lebih baiklah Kerajaan atau Jabatan-jabatan berkenaan itu sendiri memecahkannya lebih dahulu untuk diberi keutamaan kepada pemborong-pemborong bumiputra.

Dalam melaksanakan bayaran kemajuan kerja (progress payment) oleh Jabatan-jabatan Kerajaan atau badan-badan berkanun pernah juga berlaku diskriminasi terhadap pemborong-pemborong bumiputra seperti pernah berlaku dalam kerja-kerja kontrak dengan FELDA, umpamanya kerja-kerja borong yang dibuat oleh pemborong bumiputra yang telah dilaksanakan sama

seperti yang dilaksanakan oleh pemborong-pemborong bukan bumiputra tetapi bayaran kepada pemborong bumiputra lambat dibayar manakala kepada pemborong bukan bumiputra dibayar lebih cepat. Inipun pernah berlaku. Keadaan seperti ini, saya berharap di masa yang akan datang tidak akan berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang kemiskinan rakyat, masyarakat kaum tani dan nelayanlah yang paling tinggi sekali peratus kemiskinannya. Kebetulan pula mereka ini tinggal di luar-luar bandar. Keadaan ini semua orang tahu. Saya tidak payah cakap banyak. Kerajaan juga tidak payah cakap banyak. Apa gunanya cakap sahaja, kerjanya tidak banyak yang boleh menolong mereka. Ada MAJUIKAN tetapi nelayan tidak maju. Kalau majupun ikan-ikan atau udang-udang di bandar-bandar besar yang dibawa ke hotel-hotel atau restoran-restoran yang besar-besar bukan main majunya. Harga masakan ikan atau udang-udang itu tinggi bayarannya kepada hotel-hotel dan restoran-restoran itu tetapi wangnya berapa peratus dapat kepada nelayan-nelayan kita. Semuanya ini dikongkong oleh orang tengah. Buat apa MAJUIKAN kalau nelayan tidak maju. Saya syorkan supaya Lembaga Majuikan menyediakan sekim pemasaran ikan secara syarikat bekerjasama-sama yang boleh memasarkan terus hasil-hasil tangkapan mereka ke bandar-bandar dan di pekan-pekan tanpa ditanggung oleh orang tengah atau lintah darat.

Selain daripada itu keselamatan nelayan-nelayan terutama nelayan-nelayan yang bersempadan dengan Thailand mereka ini sentiasa terdedah kepada lanun-lanun atau pencolek-pencolek dari kawasan negara tetangga kita ini. Perkara ini telah kerap dikemukakan dalam Dewan ini tetapi masih belum dapat diatasi lagi. Selain daripada kurangnya kawalan keselamatan kita di laut maka nelayan-nelayan kita pula tidak diengkapkan dengan senjata-senjata api. Saya syorkan di samping pihak keselamatan dan pertahanan negara kita melipatgandakan ondaannya di laut maka kepada nelayan-nelayan kita perlukan ditubuhkan Pasukan RELA yang dibekalkan kepada mereka alat-senjata api yang boleh menentang ncaman penjenayah-penjenayah tersebut. Mereka juga dapat membantu menentang serangan penyeludupan senjata-senjata dan

dadah diperairan kita itu. Pencolek-pencolek dari kawasan Thailand ini tidak dapat diatasi dengan keadaan sekarang ini, kerana nelayan-nelayan kita yang tangan kosong tanpa senjata tidak dapat menentang mereka, kerana penjahat-penjahat itu mempunyai senjata-senjata api yang lengkap biasanya bila berlaku kejadian ini nelayan-nelayan kita menyerah sahaja apa yang dikehendaki oleh mereka. Hatta pukut dan bot mereka pun diserahkan asalkan jangan diapa-apakan badan dan nyawa mereka. Beginilah nasib nelayan-nelayan kita di kawasan sempadan menanggung penderitaan selain daripada bahaya gelombang dimusim tengkujuh, kadang-kadang karam di tengah lautan atau dihanyut arus tanpa bekalan makanan yang cukup. Semuanya ini penderitaan kaum nelayan kita. Bahaya-bahaya ini adalah bencana alam, bergantung kepada takdir tetapi bahaya pencolekan oleh penjahat-penjahat dari Thailand itu boleh diatasi dengan cara memperengkapkan mereka dengan senjata sebagai anggota RELA di daratan dan juga hendaklah Kerajaan kita merundingkan masaalah mereka ini dengan Kerajaan Thailand. Kalau perlu masukkan dalam Perjanjian Keselamatan Sempadan Bersama yang sedang dirundingkan antara Kerajaan kita dengan Kerajaan Thai itu.

Mengenai hasil tangkapan ikan selain daripada pemasarannya yang patut diatasi, Kerajaan perlulah menganjurkan syarikat-syarikat kerjasama nelayan atau MAJUIKAN sendiri mengadakan kilang-kilang memproses ikan baja di kawasan-kawasan pantai nelayan yang banyak mendaratkan ikan-ikan tersebut seperti di pantai-pantai Semerak, Perupok, Bachok, Pengkalan Kedai Buloh, Kota Bharu dan Genting. Tumpat supaya ikan-ikan baja tadi tidak terbuang atau dibeli tanpa harga yang berpatutan oleh orang-orang tengah dan kadang-kadang beratus-ratus tong dibuang tiap-tiap hari. Dengan adanya kilang-kilang memproses ikan baja ini hasil tangkapan nelayan itu dapatlah diselamatkan dan mendatangkan hasil pendapatan kepada mereka. Inilah satu-satunya cara menaikkan taraf ekonomi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya suka menyentuh tentang nasib petani-petani kita. Mereka ini samalah nasibnya dengan nelayan tadi. Hingga anak-anak muda kita banyak yang lari daripada kalangan keluarga tani

mereka di luar bandar ke bandar-bandar kerana telah bosan dan hampa dengan nasib petani-petani itu sendiri. Kita tidak boleh salahkan sangat kepada mereka ini. Sebelum kita salahkan mereka, kita perlu kaji kenapa mereka lari ke bandar. Mereka lari ke bandar kerana mahu mencari kesenangan dan pendapatan yang lebih untuk mengubah nasib kehidupan mereka, jangan mereka tinggal seperti keluarga mereka yang terdahulu. Di bandar-bandar ada kemudahan-kemudahan lebih daripada di kampung-kampung; ada kilang dan pejabat, mudah dapat kerja, ada sekolah rendah, menengah dan tinggi, mudah mereka belajar, ada hospital-hospital dan kelinik-kelinik, tempat berubat, ada jalan raya dan kenderaan yang mudah mereka hubungi dari satu tempat ke satu tempat, ada kemudahan-kemudahan perbekalan air dan api yang sempurna, semuanya ini disediakan dan diberi kemudahan oleh Kerajaan sendiri. Jadi, kalau mereka ini bertumpu ke bandar-bandar demi mencari perubahan nasib hidup mereka akibat di kampung-kampung luar bandar tidak disediakan kemudahan-kemudahan sedemikian rupa, tiba-tiba kita sekat mereka: jangan ke bandar, jangan ke bandar. Ini pada pendapat saya tidak adil.

Selain daripada perbekalan api, sekolah-sekolah dan kelinik-kelinik yang telah Kerajaan laksanakan di luar bandar, saya syorkan kilang-kilang yang berkenaan hendaklah dibawa ke kampung-kampung seperti kilang kelapa kering, kilang minyak kelapa, kilang beras, kilang papan, kilang getah, kilang perabut dan lain-lain kilang lagi yang ada hubungan langsung dengan pengeluaran di luar bandar itu dibawa ke luar bandar (ke kampung-kampung), jangan diadakan di bandar-bandar sahaja, kalau benar-benar kita tak mahu belia-belie kampung melimpah ke bandar-bandar. Buat apa kilang-kilang ini dibenarkan dalam bandar-bandar besar. Kalau kita tidak mahu belia-belie kampung melimpah ke bandar, bawa sahaja kilang ini dahulu ke luar bandar dan kampung-kampung yang berkenaan atau galakkan pertubuhan-pertubuhan peladang membina kilang-kilang ini di luar bandar, beri mereka pertolongan, nasihat, modal serta cara-cara pengurusannya, barulah dapat kita memperimbangkan kemajuan luar bandar sekadar yang perlu. Berhentikan sahaja pembinaan kilang di bandar-bandar, dirikan di luar-luar bandar. Itulah yang tegas yang patut kita laksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya saya sukalah sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan yang telah berjaya menyusun Rancangan Malaysia Ketiga ini dan kita berharap dalam pelaksanaannya nanti akan berjaya sedemikian juga dan dengan sebab itu, saya menyokong 100% usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada hari Selasa yang lepas.

6.09 ptg.

Tok Pangku Pandak Hamid bin Puteh Jali: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dua hari yang sudah. Saya tak hendak bercakap panjang.

Saya adalah menyokong atas syor-syor yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dua hari yang lepas atas adanya peredaran dari masa ke semasa kepada Orang Asli di Semenanjung Malaysia ini. Saya dengar baru-baru ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada membuka satu perkampungan di bandar kecil untuk Orang Asli di Ulu Perak di Empangan Temenggor sana. Tetapi malangnya orang Melayu di kampung Temenggor dipindahkan ke bandar dan Orang Asli dihantar pula ke sempadan Thai. Ini pada fikiran saya tidak menasabah, Tuan Yang di-Pertua, kerana ada sebahagian dibuang. Ini tak patut, tak adil. Saya harap, Tuan Yang di-Pertua, kepada Menteri-menteri yang memegang jawatan ini untuk berfikir sekali lagi. Kalau begitu saya fikir adakah sesuai dengan kehendak hati orang Asli di situ. Saya sendiri berfikir, saya pun belum pergi ke sana, mula-mula Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hendak ajak saya pergi bersama, tetapi malangnya sewaktu mereka pergi saya tak pergi kerana tak dijemput. Kalau begitu tak mengapalah. Saya harap janganlah Kerajaan membuat dua tiga kali macam ini lagi. Sebelum perang Kerajaan sudah susah berfikir, sudah susah menanggung dan menderita atas segala-galanya kerana dipindahkan orang Asli daripada Ulu Kinta sampai ke Ulu Sungai Plot, daripada Sungai Piar sampai ke Sungai Plot, berhimpun di situ. Apabila dihimpun di situ malang menimpa kepada orang Asli, beratus orang mati. Saya anggap di Ulu Temenggor besokpun kalau

ada yang mati, namanya sahaja yang tinggal, pekan kecil atau pekan besar, hutan kecil atau hutan besar, belum tahu lagi. Tunggulah sesiapa yang ada dalam Dewan ini memperhatikan cerita-cerita itu kelak. Saya suka orang Asli ini kalau takut diancam oleh penjahat komunis dan subversif patutlah kita dampingkan dengan orang kampung, baru ada persefahaman dan tunjuk-ajar kepada mereka itu, tetapi ini ditinggalkan mereka dalam hutan itu sahaja. Itu adalah tafsiran saya. Saya harap, itu baharu satu tempat, kalau lain tempat, di mana pula hendak dihantar? Jadi kalau ada tiga empat tempat itu Rancangan Malaysia Ketiga ini betul menumpahkan kepada orang Asli tetapi nikmatnya belum tahu lagi, Tuan Yang di-Pertua, samada nikmat itu tumpah kepada kontrektorkah, kepada orang Aslikah, kepada siapakah? Itu belum tahu lagi. Timbanglah baik-baik. Itu tak payah saya baca kerana di dalam Dewan ini ada mereka yang berpengetahuan lebih lagi. Adalah puak yang mendapat keuntungan itu. Jadi, kalau macam ini apa faedahnya kita pindah-pindahkan? Kalau kita himpunkan di pinggir kampung, mereka ini masuk kampung pun tidak berapa suka, ada tiga empat bahagian lagi, Ulu Perak, Ulu Piar, Ulu Plos, Ulu Kerbu, ini tempat yang ada orang ramai sedikit. Macammana kita hendak buat? Saya kata lebih baik kita sehatkan badan, hidupkan nyawa mereka. Jangan hendak datangkan keselamatan, badan akan mati. Cuba fikir, Tuan Yang di-Pertua, 20 tahun sudah merdeka kehidupan orang Asli kucar-kacir. Baru-baru ini saya pergi ke Pejabat Pesuruhjaya Tanah Negeri Perak, belum ada lagi catitan untuk permanentkan tanah-tanah orang Asli yang hendak dibuka itu. Macammana mereka ini hendak hidup? Kalau motokar Menteri yang besar-besar itu tinggal di situ dua tahun sudah! Apakah hendak jadi? Punah! Wang rakyat punah, ini pula orang Asli ditinggalkan selama 20 tahun tak diberi makan, tak diadakan tanah untuk rancangan kehidupan mereka. Apa hendak jadi, melainkan matilah. Patutlah agaknya sudah difikirkan oleh Kerajaan dihantarkan ke sempadan Siam sana, senang sedikit, cepat sedikit matinya. Saya syorkan tak payah begitu, dibom sahajalah, kerana mereka penjahat juga. Ini sudah dihantar dekat sempadan Siam sana, apa akan jadi akhirnya? Kalau dicuri oleh orang jahat mereka sendiri akan lari daripada situ.

Jadi, saya harap di sini menelitanlah masaalah ini. Seumpama kita ada memelihara anak perempuan, zaman sekarang bukan zaman dahulu, kalau emak bapa hendak bertanya: kamu nak kahwin dengan Ramlikah. Emaklah kahwin, katanya. Saya tak mahu kahwin dengan dia, saya hendak kahwin dengan Sulaiman. Sepatutnya Kerajaan bertanya dengan orang Asli kemana mereka hendak pindah. Cari jalan yang baik. Buat macam cara memindahkan orang Melayu Temenggong itu, dibuat rumah-rumah, barisan kampung, kebun dan sebagainya dan selepas disiapkan: Awak Long, Ngah tengok, sukakah rumah ini? Barangkali dia menitik air liurnya, dia hendaklah rumah itu. Saya harap begitulah, saya menasihati dan mengemukakan kepada pihak Kerajaan. Tetapi jangan jadi macam kata pepatah: Rumah sudah pahat berbunyi, nanti wang habis dunia tak aman. (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat inilah sahaja dan saya menyokong sepenuhnya usul mengenai Rancangan Malaysia Ketiga ini.

6.17 ptg.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang pada petang ini adalah untuk mengakhiri perbincangan pada hari ini. Mudah-mudahan saya akan dapat sambung sedikit pada hari esok. Pada lazimnya, Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan ini mestilah berbahas dengan tidak membaca surat, dan ini adalah peraturan Dewan. Tetapi oleh sebab banyak kawan-kawan yang membaca maka saya termasuk seorang daripadanya, walaupun saya melanggar peraturan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana diberi peluang saya bercakap pada petang ini. Dalam membahaskan pelancaran, kezahiran Rancangan Malaysia Ketiga ke Dewan Negara ini oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dua tiga hari dahulu, saya bukan sahaja menyokong rancangan ini dizahirkan akan tetapi dengan hati yang penuh dan doa restu mudah-mudahan Allah berkati dengan penuh kejayaan. Sesungguhnya, Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketiga ini bukan sahaja sambungan daripada Rancangan Malaysia Kedua akan tetapi mempunyai satu matlamat penting iaitu hendak menghapuskan

kemiskinan dan menyusun semula masyarakat adil di samping meneguhkan ketahanan dan keselamatan negara. Jadi, inilah matlamat penting Rancangan ini dizahirkan. Akan tetapi kemiskinan ini ada pada semua kaum. Baik Melayu, China, India, Orang Asli dan lain-lain. Hanya perbezaan-perbezaan kejurangan perbezaan kemiskinan sahaja yang diperkatakan perbezaannya ada. Saya memberi contoh, Tuan Yang di-Pertua, pertanian, penanam-penanam padi, nelayan-nelayan inilah golongan yang paling miskin dalam negara kita iaitu hampir tujuh juta manusia. Baik Melayu, baik China, baik India, hetong panjang 84% daripada golongan ini miskin, dan kadang-kala di bawah garis miskin yang pendapatannya cuma \$50-\$60 sebulan yang dikatakan kais pagi makan pagi. Yang paling malang, Tuan Yang di-Pertua, daripada golongan ini 95% terdiri daripada rakyat di Pantai Timor Semenanjung. Bagi rakyat di Pantai Timor Semenanjung 95% daripadanya ujud di Pantai Timor yang lebih kita kenali dengan nama negeri Kelantan, Trengganu dan Pahang.

Tuan Yang di-Pertua, lebih-lebih sedih lagi, 60% daripada 95% tadi ialah orang Melayu dan Bumiputra. Maka memandang kepada hakikat ujudnya keadaan ini, Buku ini dilahirkan dengan tujuan hendak menyamakan perbezaan jurang perbezaan di antara kaum dengan kaum, dan lahiriah dalam Dewan ini dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Akan tetapi jikalau ini tidak berjaya akan tinggallah Buku ini, rancangan ini dalam kajian sejarah negara sahaja. Maka saya berseru kepada semua kaum baik China, baik Melayu, baik India supaya membulat nekad menyokong rancangan Kerajaan. Tetapi tidak kurang pentingnya, ialah alat negara kita, kakitangan-kakitangan dan Pegawai-pegawai Kerajaan sebagai alat negara yang menjalankan tugasnya bagi memperolehi kejayaan dan tidak kurang pentingnya, nekad Kerajaan sendiri dalam menguasai suatu masalah mestilah dengan tegas dan jujur.

Tuan Yang di-Pertua, usaha kemiskinan ini boleh diatasi tetapi memakan masa yang lama, satu daripadanya ialah peranan pelajaran. Peranan Pelajaran, pembukaan tanah yang meluas, kemudahan-kemudahan peluang, kemudahan-kemudahan asas, jalan, api dan air dan sistem kesihatan negara kita pun adalah membantu bagi menghapus kemiskinan ini. Ini lima faktor jikalau kita tumpukan kepada perkara-perkara ini, peranan pelajaran, pembukaan tanah samada oleh Kerajaan, samada swasta samada orang bersendirian. Ini menolong bagi mengurangkan quota-quota kemiskinan itu. Tetapi tidak kurang pentingnya, Tuan Yang di-Pertua, pembangunan asas adalah perlu jalan, api dan air. Sebaliknya, sistem kesihatan juga perlu dibaiki.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya benar-benar kita memikirkan hidup dalam negara Malaysia yang berjaya ini supaya aman dan makmur, maka jurang perbezaan ini perlu diperbaiki. Tetapi kita ketahui siapakah yang benar-benar menguasai ekonomi negara kita sekarang ini Melayukah, Chinakah, Indiakah, kita boleh baca dan kita boleh siasat. Bukan China, bukan India, jauh sekali Melayu, tetapi orang asing dalam negara kita ini, dia membolot kekayaan kita sekarang ini, hampir 60% daripada kekayaan kita ialah kepada orang asing. Apakah tindakan kita ambil bagi menurunkan kadar-kadar itu. Dalam Buku ini ada dinyatakan dengan terang bahawa pada muka 217, kadar hakmilik modal saham dalam perdagangan dalam syarikat berhad tahun 1970, 63.3% milik orang asing, 27% milik kaum China, 1.6% milik Melayu. Dalam Rancangan Malaysia Kedua, kita baca balik akhirnya 1975 milik asing turun sedikit tinggal 54.9% daripada 63.3%, dia turun 3.9% sahaja. Dan di sini hak kaum China cuma naik sedikit sahaja 0.6% Melayu naik sedikit, Tuan Yang di-Pertua, 2.3% naik 0.7%. Dari sini nyatalah siapakah yang menguasai ekonomi negara kita. Gajah-gajah yang besar inilah yang banyak memakan pisang dan pinang dalam negara kita. Tetapi

disebalik kita hendak mengatasi penggangguran, kita memanggil balik swasta-swasta luar ini membuka perusahaan. Tetapi kalau sekiranya 1.6% naik 2.3% adakah Rancangan Lima Tahun ke hadapan ini kita boleh naik sampai 10%? Itu dari satu sudut, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat boleh menyambung esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang, 13hb Ogos, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.